<tr><td>SIM<br>[ simpulkan ]<br>Kesimpulan berdasarkan tema karangan</td><td></td></tr>
</table>

## LATIHAN 16

Pengetahuan mengenai sejarah negara penting sebagai tunjang kepada pembentukan bangsa. Cerdik pandai sering berkata bahawa sejarah ialah guru terbaik untuk mendidik manusia menjadikan peristiwa yang lalu sebagai teladan atau sempadan. Sejarah merupakan peristiwa silam yang boleh memberi manfaat untuk membina masa hadapan yang lebih baik. Oleh itu, mengenali sejarah negara memberikan impak besar, khususnya kepada generasi muda di negara ini.

Sumber: *Berita Harian Online*,17 September 2015

Berdasarkan petikan akhbar di atas, tulis sebuah ceramah tentang "Faedah-faedah Mempelajari Sejarah".

Kehendak Soalan

Calon dikehendaki menulis ceramah tentang "Faedah-faedah Mempelajari sejarah".

**1.** Tunjang kepada pembentukan bangsa.
**2.** Mendidik manusia menjadikan peristiwa yang lalu sebagai teladan atau sempadan
**3.** Memberi manfaat untuk membina masa hadapan yang lebih baik

Kemungkinan

**1.** Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain - terima dan semak seperti biasa

**2.** Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat KEPUJIAN

**3.** Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea lain - maksimum KEPUJIAN

**4.** Calon menghuraikan langkah-langkah menarik minat murid mempelajari mata pelajaran sejarah - maksimum PENGUASAAN MINIMUM

**5.** Format Ceramah:

- tidak ada kata alu-aluan / tidak ada kata penghadapan / penutup ceramah - maksimum KEPUJIAN

## AKTIVITI 1

| **Pendahuluan : Isi maklumat di bawah berdasarkan kehendak soalan.** | |
|---|---|
| **Ayat pendahuluan** | |
| **Binaan ayat [ berdasarkan tema soalan]** | |
| **Ayat sejarah / Ayat semasa** | |
| **Ungkapan menarik [kata-kata tokoh /peribahasa/ simpulan bahasa]** | |
| **Ayat tanya Persoalannya...? [ Hubung kaitkan dengan kehendak soalan ]** | |

| **Isi pertama : Isi maklumat di bawah berdasarkan kehendak soalan.** | |
|---|---|
| **Isi 1** | |
| **Apa** | Pengguna Internet mempunyai tahap kesedaran yang rendah mengenai taktik dan teknik yang digunakan oleh penjenayah siber. |
| **Mengapa** | terdapat pengguna yang begitu naif / buta IT |
| **Bagaimana** | pengguna tidak memasang sekuriti atau kata laluan |
| **Kesan/Rumusan** | mereka akan terdedah kepada risiko kehilangan wang dalam akaun peribadi |

| | |
|---|---|
| **Ungkapan yang menarik : Peribahasa / simpulan bahasa** | *umpama katak di bawah tempurung*<br>*sudah terhantuk baru tergadah*<br>*sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada guna* |

| **Isi ke-2 : Isi maklumat di bawah berdasarkan kehendak soalan.** | |
|---|---|
| **Isi 2** | |
| **Apa** | Sikap tamak atau keinginan seseorang pengguna untuk menjadi kaya melalui jalan pintas juga merupakan faktor seseorang terlibat dalam jenayah siber. |
| **Mengapa** | |
| **Bagaimana** | |
| **Kesan/Rumusan** | |
| **Ungkapan yang menarik : Peribahasa / simpulan bahasa** | |

| **Isi ke-3 : Isi maklumat di bawah berdasarkan kehendak soalan.** | |
|---|---|
| **Isi 3** | |
| **Apa** | Sifat mudah percaya dengan pujuk rayu penjenayah siber telah mengakibatkan pengguna siber menjadi mangsa penjenayah siber ini. |
| **Mengapa** | |

| | |
|---|---|
| | |
| **Bagaimana** | |
| **Kesan/Rumusan** | |
| **Ungkapan yang menarik : Peribahasa / simpulan bahasa** | |

| | |
|---|---|
| **Penutup : Isi maklumat di bawah berdasarkan kehendak soalan.** | |
| **Ayat Penutup**<br>**TeSeHaSim** | |
| **TE**<br>**Ayat tegasan** | |
| **SE**<br>**Ayat seru**<br>**[ menyeru / cadangan]** | |
| **HA**<br>**Ayat Harapan** | |
| **SIM**<br>**[ simpulkan ]**<br>**Kesimpulan berdasarkan tema karangan** | |

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata akronim yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**LATIHAN 1** | **TATABAHASA** | **MORFOLOGI**

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata akronim.** *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **perkataan** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan dalam Karnival Kerjaya tersebut. Antara aktiviti tersebut termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan, dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM dan Bernama. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital pelbagai jenama. Di samping itu, para pengunjung juga boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih yang dipertandingkan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Harapan Setinggi Gunung,'
dalam *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[8 *markah*]

i. ______________________________

______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

______________________________

iii. ______________________________

______________________________

______________________________

iv ______________________________

______________________________

______________________________

2. *Baca petikan di bawah, kemudian bina* **ayat tanya** *dengan menggunakan* **kata tanya yang betul** *berdasarkan frasa bergaris.*

Perasmian Sukan Komanwel 2022 dilangsung pada 28 Julai 2022 di kota Birmingham. Pencapaian kontinjen negara dalam Sukan Komanwel 2022 adalah di kedudukan kesepuluh. Kontinjen negara berjaya meraih tujuh pingat emas, lapan perak dan lapan gangsa. Kejayaan ini telah melepasi sasaran kerana Majlis Sukan Negara hanya menyasarkan enam pingat emas sahaja pada temasya kali ini. Pada hari terakhir temasya tersebut, beregu utama wanita negara Pearly Tan - M. Thinaah berjaya menghadiahkan pingat emas ketujuh Malaysia. Australia berjaya mempertahankan gelaran juara keseluruhan apabila meraih 67 pingat emas, 57 perak dan 54 gangsa. Upacara penutupan Sukan Komanwel 2022 diadakan dengan gilang-gemilang di Stadium Alexander, Perry Barr awal pagi tadi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Perjuangan Membanggakan di Birmingham, Malaysia Perbaiki Kedudukan Keseluruhan
*Bernama* 9 Ogos 2022

[6 *markah*]

i. pada 28 Julai 2022

______________________________________________

______________________________________________

ii. di kedudukan kesepuluh

______________________________________________

______________________________________________

iii. tujuh pingat emas, lapan perak dan lapan gangsa.

______________________________________________

______________________________________________

iv. kerana Majlis Sukan Negara hanya menyasarkan enam pingat emas sahaja

______________________________________________

______________________________________________

v. beregu utama wanita negara Pearly Tan - M. Thinaah

______________________________________________

______________________________________________

vi. di Stadium Alexander, Perry Barr

3. *Bahan -bahan di bawah mengandungi* ***pelbagai kesalahan bahasa****. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Bahan 1**

Setiap warga negara bertanggungjawab memelihara keutohan negara ini sebagai negara yang menentang segala bentuk penjajahan, eksploitasi, diskriminasi serta pelanggaran hak asasi manusia. Ketika tanah air ini dijajah mulai tahun 1511 oleh Portugis sehingga merdeka dari penjajah British pada tahun 1957, pengertian merdeka dalam kalangan golongan tua sangat bermakna. Lantaran itu, generasi muda perlu dididik agar faham makna kemerdekaan yang hakiki. Minda dan pandangan hidup merdeka hanya dapat diselami apabila erti penjajahan dapat difahami oleh mereka. Dalam hal ini, generasi muda perlu menyemai dengan nilai-nilai patriotisme sejak kecil.

[*6 markah*]

**Bahan 2**

BALING - Debaran lebih 100 calun ujian lesen memandu kereta dan motosikal di sebuah pusat latihan memandu di sini hilang seketika selepas menyertai kempen Kibar Jalur Gemilang. Pengarah Urusan Pakatan Latihan Memandu Baling, Muhammad Mumtaz Zulkifli berkata, syarikat berkenaan mewujudkan kempen berkenaan lebih awal bertujuan memberi kesedaran tentang bulan kemerdekaan. Menurutnya, inisiatif ini diharapkan mampu menarik lebih ramai rakyat menunjukkan semangat kemerdekaan yang sama sekaligus memupuk rasa patriotik dan cinta akan negara. "Kita turut memasang Jalur Gemilang pada semua kenderaan pusat latihan memandu dan kawasan sekitar," katanya menjelaskan tentang kempen berkenaan.

[5 *markah*]

| Bahan 1 | Bahan 2 |
|---|---|
| i. ______ | i. ______ |
| ii. ______ | ii. ______ |
| iii. ______ | iii. ______ |
| iv. ______ | iv. ______ |
| v. ______ | v. ______ |
| vi. ______ | |

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya*.

Maka Seri Nara Diraja tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-dua sama orang berasal.

Dipetik daripada<br>‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’<br>dalam antologi Sejadah Rindu,<br>Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 *markah*]

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan* **tiga** *peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam petikan.*

Belasan tahun lalu, Bashir meninggalkan kampung halaman kerana kehidupan yang susah dan berlaku perselisihan faham dengan adik-beradiknya. Kini dia di perantauan dan dapat menikmati hidup yang agak selesa. Namun ingatan pada kampung halaman masih membara. Dia mengambil keputusan untuk pulang ke kampung dan menetap di sana. Dia meminta maaf daripada adik-beradiknya di kampung atas kesalahannya yang lalu. Kini hubungannya dengan adik-beradik semakin mesra.

[6 *markah*]

i. ____________________

____________________

ii. ____________________

____________________

iii. ____________________

____________________

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata bilangan.** *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Taun merebak secara meluas pada abad ke-19 dan meragut berpuluh-puluh juta nyawa manusia. John Snow merupakan individu pertama yang mengenal pasti bahawa air tercemar merupakan punca taun. Beberapa gejala seperti pening dan muntah boleh dialami, terutamanya pada peringkat awal jangkitan dan berlarutan berjam-jam. Jika tidak dirawat, taun boleh membawa maut. Gejala ini mungkin bermula seawal dua jam selepas pengambilan air yang sudah tercemar dengan bakteria. Masa inkubasi yang singkat ini dianggap sebagai punca taun dapat merebak dengan begitu pantas melalui populasi.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Jangkitan Taun Zaman Moden, Perlukah Kibar Bendera Kuning?'
*Dewan Masyarakat,* Bil.01/2022

[8 *markah*]

i. ______________________________

______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

______________________________

iii. ______________________________

______________________________

______________________________

iv. ______________________________

______________________________

______________________________

2. *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian kenal pasti dan tulis* **subjek** *dan* **predikat** *yang lengkap bagi* **tiga ayat** *yang bergaris. Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti di bawah ini.*

Subjek : Tuan pengetua
Predikat : menasihatkan pelajar-pelajar supaya rajin membaca buku.

Sejarah membuktikan bahawa perkembangan bahasa Melayu, ilmu kesusasteraan dan pengetahuan Melayu tidak pernah dimonopoli oleh orang Melayu semata-mata. Menurut Sejarah Melayu, kehebatan Melaka dalam memartabatkan bahasa dan kesusasteraan tidak hanya disumbangkan oleh cerdik pandai Melayu sahaja tetapi turut disumbangkan oleh orang Arab, India Muslim, Parsi serta China. Sehingga Jun 2016, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa berusaha untuk memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Cerminan Bangsa dan Budaya'
*Dewan Masyarakat*, Bil.2/2017
[6 *markah*]

i. Subjek : ______________________________
______________________________

Predikat : ______________________________
______________________________

ii. Subjek : ______________________________
______________________________

Predikat : ______________________________
______________________________

iii. Subjek : ______________________________
______________________________

Predikat : ______________________________
______________________________

*Bahan-bahan di bawah mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

**Bahan 1**

KUALA TERENGGANU - Rakyat Malaysia disarankan menjadikan aktiviti bersukan sebagai rutin sepanjang masa kerana antara cara terbaik dapat mengurangi tekanan. Menurut Menteri belia dan sukan, tekanan yang tidak dikawal dan diuruskan dengan baik boleh menjejaskan kesihatan secara keseluruhan lebih-lebih lagi pada mereka yang bekejaya. Menurut beliau lagi, kepenatan berdepan tuntutan tugasan harian di rumah dan di pejabat membuatkan ramai di kalangan kita mudah merasa tertekan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Bersukan
Cara terbaik Atasi Tekanan',
*Sinar Harian,* 22 Jun 2019

[7 markah ]

| Bil | Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|---|
| i. | ______________ | ______________ |
| ii. | ______________ | ______________ |
| iii. | ______________ | ______________ |
| iv. | ______________ | ______________ |
| v. | ______________ | ______________ |
| vi. | ______________ | ______________ |
| vii. | ______________ | ______________ |

**Bahan 2**

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**
**KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Kami memanggil warganegara Malaysia yang berkelayakan supaya mengisi jawatan kontrak seperti berikut:-

| **Bil** | **Jawatan** | **Kumpulan** | **Kekosongan** |
|---|---|---|---|
| **Bukit Jalil, Kuala Lumpur** | | | |
| **1.** | Penjaga Jentera Elektrik | C | 1 |
| **Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg. Pandan, Kuala Lumpur** | | | |
| **2.** | Pembantu Pentadbiran | C | 1 |

*** Sila layari halaman web Rasmi MSN https://www.nsc.gov.my/**

**Cara Memohon**

1. Semua permohonan hendaklah disertai dokumen-dokumen seperti berikut:-
   (i) Salinan sijil-sijil akademik Ijazah/Diploma/SPM/SPVM/PMR/PT3 atau setaraf;
   (ii) Salinan sijil-sijil berkemahiran yang berkaitan;
   (iii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah; dan
   (iv) Salinan Kad Pengenalan.

2. Permohonan yang tidak lengkap akan **ditolak.**

**Alamat dan tarikh tutup permohonan:**

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **15 November 2021 (Isnin)** melalui emel **recruitment@nsc.gov.my** atau dialamatkan kepada :-

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**
**Cawangan Sumber Manusia**
**Bahagian Khidmat Pengurusan**
**Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur**

Sumber: Dipetik dan diubah suai
Majlis Sukan Negara Malaysia

[5 *markah*]

| Bil | Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|---|
| i. | ______________________ | ______________ |
| ii. | ______________________ | ______________ |
| iii. | ______________________ | ______________ |
| iv. | ______________________ | ______________ |
| v. | ______________________ | ______________ |

**TATABAHASA** | **BAHASA MELAYU STANDARD**

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka berapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
*dalam antologi Sejadah Rindu,*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **dua** *peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan maksud peribahasa tersebut.*

Memelihara warisan negara dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai budaya yang diamalkan oleh rakyat yang berbilang kaum di Malaysia mampu meningkatkan semangat bagai dakwat dengan kertas dalam kalangan rakyat. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlulah berhempas-pulas dalam mengimplementasikan langkah-langkah yang maslahat untuk memelihara warisan negara agar tidak hilang ditelan zaman. Keadaan ini memerlukan usaha yang gigih jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Tamsilnya, budaya penganjuran rumah terbuka yang sering diamalkan oleh masyarakat di Malaysia dapat mengelakkan tragedi hitam 13 Mei 1969 daripada berulang pada masa hadapan. Sudah terang lagi bersuluh, kesejahteraan negara akan terjamin apabila perpaduan kaum dapat dijaga dan dikekalkan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
*"Kepentingan Memelihara Warisan Negara",*
*Dewan Siswa, Bil.3/2022)*

[4 *markah*]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **dua kata ganda** *dan* **dua kata akronim.** *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Berdasarkan laporan penyiasatan pelanggaran dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2020, tingkah laku pemanduan berisiko dan memandu melebihi halaju menjadi penyumbang utama peningkatan bilangan kematian dalam kalangan pengguna jalan raya. Sikap pemilik kenderaan berkuasa tinggi yang suka menunjuk-nunjuk dan memandu laju memburukkan lagi keadaan. Didikan dan kesedaran berhubung bahaya serta impak memandu laju menerusi pendidikan, kempen dan kursus-kursus perlu bermula sejak tadika hingga universiti. Pemandu perlu sentiasa beringat-ingat kerana malang tidak berbau dan perbuatan gemar memandu laju, berbahaya dan berisiko tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pandu Laju Penyebab Utama Kemalangan Maut'
oleh Noradrenalina Isah,
*Berita Harian Online,* 11 Mac 2021

[8 *markah*]

**kata ganda**

i. ______________________________

______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

______________________________

**kata akronim**

i. ______________________________

______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

______________________________

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Pisahkan* **tiga ayat majmuk** *yang anda pilih menjadi* **enam ayat tunggal** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif. Kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) lebih berkesan dalam dunia pendidikan terkini kerana pelajar didedahkan dengan pembelajaran tanpa syarahan apabila sesi pembelajaran berlangsung. Antaranya menggunakan teknik penggabungan video,' pembelajaran secara dalam talian dan pengajaran siber. "Kaedah pembelajaran didik hibur bukan sahaja memudahkan murid memahami sesuatu yang dipelajari, malah dapat memberi pengalaman baharu kepada pelajar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Belajar Lebih Menyeronokkan.'
*My Metro Online,* September 2019,
[6 *markah*]

i. ______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

iii. ______________________________

______________________________

iv. ______________________________

______________________________

v. ______________________________

______________________________

vi. ______________________________

______________________________

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat memahami kepentingan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara fizikal dan secara adunan. Ia perlu dijadikan budaya pembelajaran mujarab serta amalan masa kini. Mulai 1 Mac ini, sessi persekolahan akan dibuka secara berperingkat. Walaupun pendemik COVID-19 dalam keadaan tidak menentukan, pelajaran aktif perlu dijalankan demi menjadikan murid secara hollistik. Peranan guru tidak terjejas walaupun berlakunya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dunia pendidikan kini. Murid masih mengharapkan kreativiti seseorang guru dalam menyantuni kejayaan mereka. Guru perlu berupaya memikat minat murid kepada apa jua yang ingin diajar. Selain itu, guru perlu berusaha ke arah menonjolkan kreativiti lebih tinggi demi untuk meningkatkan keseronokan murid mengikuti pengajarannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknik, kaedah pengajaran berkesan elak murid bosan'
oleh Prof Dr Abdul Rasid Jamian
*bhrencana@bh.com.my*
[9 *markah*]

| **Bil.** | **Kesalahan** | **Pembetulan** | **Bil** | **Kesalahan** | **Pembetulan** |
|---|---|---|---|---|---|
| i. | ______ | ______ | vi. | ______ | ______ |
| ii. | ______ | ______ | vii. | ______ | ______ |
| iii. | ______ | ______ | viii. | ______ | ______ |
| iv. | ______ | ______ | ix. | ______ | ______ |
| v. | ______ | ______ | | | |

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya*.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada '
dalam antologi Sejadah Rindu ,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Keluarga yang bahagia dapat menjamin kesejahteraan komuniti dan memupuk semangat kerjasama dalam menjayakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan. Mereka juga sentiasa kunjung-mengunjungi, bantu-membantu, bertegur sapa dan bertukar–tukar fikiran. Apabila berlaku perbalahan atau pertengkaran sesama saudara itu, biasanya ia bersifat sementara sahaja dan akhirnya pasti akan berbaik-baik semula. Sikap atau perangai anak-anak, biasanya akan terikut-ikut dengan perangai ibu bapanya.

[6 *markah*]

i. ______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

iii. ______________________________

______________________________

LATIHAN 4 | TATABAHASA | MORFOLOGI

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata majmuk.** *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sesungguhnya kasih sayang dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi. Masalah sosial yang sering dihadapi oleh remaja, seperti membuli dan peras ugut, yang berunsur negatif jika diselesaikan secara ganas, maka mereka akan menjadi semakin ganas. Dalam hal ini, jika berlaku sesuatu peristiwa negatif dalam kalangan remaja, sebagai ibu bapa dan masyarakat, terimalah peristiwa tersebut sebagai takdir ujian daripada Tuhan dan perlu rasa bertanggungjawab sepenuhnya. Kes salah laku yang melibatkan keganasan dalam kalangan remaja dilihat sebagai satu penyakit kepada masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada Motivasi Diri
oleh Dr. Muhaya Mohamad
*Dewan Siswa,* Bil 07/2019
[8 *markah*]

i. ______________________________

ii. ______________________________

iii. ______________________________

iv. ______________________________

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan* **ayat aktif** *yang bergaris kepada* **ayat pasif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Penduduk telah membahagikan tugas mereka sebelum gotong-royong bermula. Sebahagian penduduk telah membersihkan kawasan masjid. Keadaan ini menunjukkan masyarakat Malaysia mampu bekerjasama walaupun berbeza kaum, agama, dan budaya. Mereka tidak menunjukkan sikap perkauman ketika melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Mereka gembira selepas semua kerja telah disiapkan walaupun penat.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

i. ______________________________

ii. ______________________________

iii. ______________________________

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

**Bahan 1**

**Tawaran Hebat**
**Belilah Kasut Jenama ALIPH**

Kasut yang di reka khas dengan ciri-ciri keselesaan yang tinggi kepada pemakainya. Kasut Aliph ini paling sesuai sekali dipakai oleh semua golongan tanpa mengira faktor usia. Pemakai kasut jenama ALIPH pasti berasa berbaloi dengan harga yang dibayar kerana rekaannya yang pentingkan keselesaan dan kesempurnaan.

Kasut ALIPH ini terdapat dalam empat kombinasi warna iaitu merah, putih, hitam dan kelabu kini yang dijual di kedai-kedai seluruh negara mulai bulan Februari. Sokonglah dan belilah jenama barangan buatan malaysia. Dorongan anda dapat membantu usahawan tempatan memperkembang perniagaan mereka keperingkat global.

Dapatkan segera kasut jenama ALIPH ini.

ALIPH®





**Potongan harga 20% setiap pembelian lebihan dua ratus ringgit**

[5 *markah*]

| Bil. | Kesalahan | Pembetulan | Bil. | Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|---|---|---|---|
| i. | ______________ | ______________ | iv. | ______________ | ______________ |
| ii. | ______________ | ______________ | v. | ______________ | ______________ |
| iii. | ______________ | ______________ | | | |

**Bahan 2**

**SYARAT-SYARAT PEMBERIAN LESEN KEDAI GUNTING RAMBUT**

**1.0 Permis.**

1. 1 Bangunan hendaklah dicat luar dan dalam serta disengara dalam keadaan baik dan kemas.

1.2 Tidak ada sekatan di buat dalam premis.

1.3 Dinding cermin di hadapan luar hendaklah telus.

1.4 Peletakan papan notis “Larangan Merokok dan Minum” di dalam permis.

1.5 Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna.

1.6 Menyediakan alat pemadaman api secukupnya yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba Malaysia.

**2.0 Kemudahan dan peralatan yang digunakan.**

2.1 Simpanan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah disediakan.

2.2 Pisau cukur hendaklah digunakan sekali sahaja dan hendaklah dibuang.

2.3 Tuala muka, pelindung leher dan lain-lain fabrik hendaklah sentiasa bersih.

[4 *markah*]

| Bil. | Kesalahan | Pembetulan | Bil. | Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|---|---|---|---|
| i. | ______________ | ______________ | iii. | ______________ | ______________ |
| ii. | ______________ | ______________ | iv. | ______________ | ______________ |

**TATABAHASA** | **BAHASA MELAYU STANDARD**

4. *Baca petikan* **bahasa Melayu Klasik** *di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 *markah*]

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian isikan tempat kosong dalam petikan dengan* **tiga** *peribahasa yang sesuai.*

Pasangan Amin dan Aminah yang bersanding di atas pelamin itu kelihatan sama cantik dan sama padan ____________(i)_________. Mereka bakal melayari hidup sebagai suami isteri, namun begitu setiap perkahwinan pasti ada cabaran dan dugaannya kerana_______(ii)_______ sekiranya berlaku perselisihan faham atau pendapat, mereka perlu bersikap sabar, bertolak ansur dan saling memaafkan antara satu sama lain. Tanpa sikap toleransi dalam sesebuah keluarga yang dibina tidak dapat bertahan lama. Akhirnya perasaan kasih sayang yang wujud akan lenyap _______(iii)_________. Hal ini boleh menyebabkan penceraian.

[6 *markah*]

i. ______________________________

______________________________

______________________________

ii. ______________________________

______________________________

______________________________

iii. ______________________________

______________________________

______________________________

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

**Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:**

Soalan 6 : 12 markah
Soalan 7 : 13 markah
Soalan 8 : 10 markah

| **Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8** | |
|---|---|
| 1. | Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri. |
| 2. | Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna. |
| 3. | Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari. |
| 4. | Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja. |

**CADANGAN PILIHAN JAWAPAN SOALAN PEMAHAMAN CERAIAN (iii)**

**Manfaat jika seseorang mempunyai pemikiran kreatif dan kritis**

P1 mampu menyelesaikan pelbagai masalah dengan mudah / masa singkat
P2 mampu berdaya saing
P3 sentiasa dipercayai / disenangi/ dihormati oleh orang ramai
P4 menjadi aset penting untuk organisasi

**Peranan pihak sekolah**

P1 kurikulum yang berkaitan dengan sejarah dan budaya diperkasakan di sekolah melalui mata pelajaran Sejarah untuk memberi pengetahuan secara mendalam kepada para remaja
P2 sekolah dapat mengadakan aktiviti sambutan Hari Kemerdekaan atau Hari pahlawan peringkat sekolah
P3 mengadakan pelbagai kempen kesedaran tentang jati diri dan kemerdekaan negara dalam kalangan pelajar secara berterusan yang dapat diselitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
P4 Menayangkan filem-filem patriotik dan drama-drama yang berkaitan dengan semangat cinta akan negara

P5 mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah untuk memberi gambaran sebenar tentang sejarah menuntut kemerdekaan
P6 guru boleh menggalakkan para pelajar mengenali tokoh-tokoh pahlawan negara serta jasa-jasa mereka yang telah memperjuang untuk kemerdekaan negara

**Usaha-usaha menggalakkan permainan petanque dan boling padang dalam kalangan murid di sekolah**

P1 memasukkan elemen permainan tersebut dalam aktiviti kelab/persatuan/ program di sekolah
P2 mengadaptasi permainan tersebut dengan teknologi terkini

P3 menganjurkan pertandingan dengan lebih kerap dan berprestij
P4 mengadakan kursus dan teknik permainan tersebut secara intensif
P5 menyertai program permainan di peringkat daerah atau kebangsaan sebagai pendedahan

**CADANGAN PILIHAN JAWAPAN SOALAN PEMAHAMAN CERAIAN (iv)**

**Cara anda menyelesaikan masalah sahabat anda**

P1 membuat latihan / persediaan bersama-samanya untuk pembentangan
P2 memberi kata-kata perangsang/ motivasi kepadanya
P3 memberikan tips-tips penting untuk membentang dengan baik
P4 mencadangkannya meminta pandangan / panduan/ nasihat daripada guru
P5 mencadangkannya meminta bantuan murid/ rakan/ orang yang lebih berpengalaman
P6 mencadangkannya supaya menonton video/ audio pembentangan

**Cadangan-cadangan**
P1 menyertai pesta makanan pelbagai budaya yang dianjurkan oleh pihak berkaitan
P2 menyertai pertandingan yang berkaitan dengan kemerdekaan / aktiviti perbarisan Hari Kemerdekaan
P3 menonton filem patriotik yang boleh menimbulkan kesedaran tentang keperitan dan kepayahan tokoh terdahulu mempertahankan kedaulatan negara
P4 menghiasi rumah / kediaman dengan jalur gemilang / mengibarkan jalur gemilang sepanjang bulan kemerdekaan
P5 menghasilkan buku skrap berkaitan dengan sejarah kemerdekaan
P6 melibatkan diri dengan sukan tradisional / aktiviti kemerdekaan yang dianjurkan oleh rukun tetangga/ pihak kerajaan / agensi-agensi tertentu
P7 menghadiri program-program ceramah tentang tokoh-tokoh kemerdekaan

**Tindakan-tindakan**
P1 Menasihatinya agar berhenti menghisap vape
P2 memberitahunya menghisap vape suatu pembaziran dari segi wang
P3 Memberitahunya vape boleh merosakkan kesihatan
P4 memaklumkan perbuatannya kepada ibu bapa
P5 Memintanya supaya muhasabah diri

**Tindakan**

P1 Menasihati rakan secara baik
P2 Menerangkan yang tindakannya menyogok adalah salah di sisi undang-undang
P3 Melaporkan perkara itu kepada pihak yang bertanggungjawab
P4 Memintanya supaya berfikir secara rasional
P5 memintanya supaya muhasabah diri

## CADANGAN PILIHAN JAWAPAN SOALAN PEMAHAMAN CERAIAN (iii)

**Peranan kaunselor**

- mendapatkan maklumat/brosur terkini IPTA/IPTS
- membantu murid membuat pilihan kursus yang sesuai
- mengadakan taklimat/penerangan tentang suasana kampus
- meningkatkan kesediaan mental/emosi psikologi/motivasi murid
- membantu mendapatkan tajaan/bantuan awal pengajian/biasiswa

**Usaha-usaha remaja menambah ilmu pengetahuan**

- membaca
- menggunakan media sosial/Internet/media elektronik
- melibatkan diri dalam program ilmiah/majlis ilmu/kursus
- meminta tunjuk ajar daripada ibu bapa/ahli keluarga
- merujuk pakar/guru/tokoh
- mengembara/mengunjungi tempat bersejarah/melancong
- berkongsi ilmu/ pengalaman/rakan berilmu/diskusi
- membuat penyelidikan/kajian

**Kesan COVID-19 kepada masyarakat**

- hilang sumber pendapat/pekerjaan
- pergerakan tersekat/terbatas
- kesihatan terganggu/stres
- aktiviti sosial/keagamaan tidak dapat dilakukan
- menimbulkan suasana panik
- kehilangan nyawa
- proses pembelajaran terganggu

**Usaha untuk menjadi wartawan yang masyhur**

- menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang kewartawan
- sentiasa merujuk wartawan senior/berpengalaman
- bekerja di syarikat penerbitan yang terkenal
- rajin membuat penyelidikan
- sentiasa turun ke lapangan/berani mengambil risiko
- menguasai lebih banyak bahasa

**Persediaan tentang keselamatan penggunaan aplikasi dalam talian**

- mendalami ilmu tentang komputer/Internet
- memasang antivirus
- tidak mudah menerima permintaan sebagai sahabat dalam talian
- sentiasa menggunakan e-mel yang berbeza
- sentiasa menukar kata laluan
- menggunakan pengesahan dua faktor
- mengawasi pihak ketiga yang meragukan
- sentiasa log/daftar keluar apabila tamat penggunaan dalam talian

- tidak mudah mendedahkan maklumat peribadi

**Perkara yang dilakukan untuk menyatukan dua sahabat yang bergaduh**
- berjumpa/berbincang dengan mereka
- lantik orang tengah yang dipercayai
- memohon bantuan kaunselor sekolah
- melibatkan mereka dalam program/aktiviti yang sama
- memaklumkan kepada ibu bapa mereka

**Langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula**
- mengadakan kempen kitar semula
- memberi insentif
- menyediakan kemudahan/tempat pengumpulan kitar semula
- menawarkan khidmat nasihat/bimbingan
- mengadakan pertandingan

**Warga tua boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara**
- menjadi sumber rujukan masyarakat/ketua adat/ketua kampung
- menulis pengalaman hidup/berkongsi pengalaman
- menjadi ahli sukarelawan dalam persatuan kemasyarakatan/ NGO
- menderma/wakaf harta benda
- menjadi ahli jawatankuasa masjid/rumah ibadat/ JKKK/kejiranan

**kepentingan-kepentingan amalan kitar semula**
- mengurangkan longgokan sampah
- mengurangkan kos pelupusan sampah
- memupuk sikap berjimat cermat
- mengurangkan pencemaran
- memelihara sumber alam semula jadi/ flora dan fauna

**CADANGAN PILIHAN JAWAPAN SOALAN PEMAHAMAN CERAIAN (iv)**
**Tindakan rakan untuk mengurangkan stres rakan**
- menghadiri majlis ilmu/agama/kem motivasi/doa/solat/berzikir (kaitkan dengan aktiviti keagamaan)
- mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah
- meminta nasihat daripada ibu bapa/berkongsi masalah
- meminta bantuan rakan lain
- mewujudkan kumpulan belajar/kelas tambahan/tuisyen
- menerima kenyataan/tabah/menerima hakikat/reda

**Cadangan kepada rakan / sahabat supaya tinggal di desa**
- mengusahakan tanah/menjalankan pertanian/perikanan/penternakan
- mengusahakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)/menjalankan perniagaan/apa-apa pekerjaan yang sesuai di kampung

- menjaga ibu bapa
- meminta rakan / sahabat berkahwin dengan gadis di desa itu
- mengesyorkan rakan / sahabat menjadi pemimpin/konsep pemimpin

**Cadangan usaha menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran**

- kempen kesedaran kebersihan bermula dari rumah
- aktiviti bergotong-royong membersihkan persekitaran
- menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk
- melaksanakan kitar semula
- membuang sampah di tempat yang disediakan
- mengedarkan risalah/broser/poster berkaitan bahaya penyakit
- meminta Kementerian Kesihatan mengenakan denda bagi masyarakat yang degil
- menubuhkan persatuan/kelab berkaitan alam sekitar

**Tindakan ketua pengawas kepada murid yang berbual-bual semasa lagu Negaraku agar tidak mengulangi perkara tersebut.**

- menegur/menasihat
- meminta juruacara mengumumkan peraturan majlis kepada hadirin
- membuat pascanilai program
- membuat aduan/laporan kepada guru
- menulis peraturan majlis dalam buku program
- mengadakan raptai majlis

**Tindakan yang wajar apabila maklumat peribadi diceroboh oleh individu yang tidak bertanggungjawab**

- tidak berurusan secara dalam talian/bersemuka
- melaporkan isu ini kepada pihak berkuasa
- mendedahkan/menularkan isu ini dalam media sosial/pihak media
- mengambil/merakam/menyimpan maklumat pelaku
- menggunakan Internet sendiri/berbayar
- menyahsenaraikan nombor panggilan tersebut

**Tindakan apabila tidak diundang dalam majlis hari jadi rakan sekelas untuk mengatasi perasaan sedih**

- bertanya kepada rakan lain sebab tidak diundang
- muhasabah diri/mendekatkan diri kepada agama
- elakkan bersendirian/mencari kawan/menyibukkan diri
- mengadu kepada keluar
- berfikiran positif/rasional
- mengadu kepada guru/kaunselor

**Tindakan pemimpin menangani masalah kebersihan dan pencemaran**

- melaporkan masalah kepada pihak berkuasa tempatan/polis/Kementerian Sains dan Alam Sekitar/wakil rakyat
- menasihati masyarakat tidak berada di luar rumah terlalu lama
- menyarankan masyarakat membuat pemeriksaan kesihatan
- menularkan isu di media sosial/melaporkan isu di media sosial
- melaporkan masalah kepada NGO

**Cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk terus menjaga ibu bapa**

- bergilir-gilir dengan adik-beradik menjaga ibu bapa
- menyediakan pembantu/penjaga ibu bapa
- menempatkan ibu bapa di pusat jagaan harian/ menjaga ibu bapa pada waktu malam
- menghantar ibu bapa mengikuti kelas pengajian/aktiviti yang digemari/hobi
- menggunakan waktu terluang/hujung minggu untuk menjaga ibu bapa
- pemeriksaan kesihatan secara berkala
- memasang kamera litar tertutup

LATIHAN 1 | PEMAHAMAN | PETIKAN UMUM

1. *Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Pencemaran alam sekitar berlaku apabila adanya aktiviti manusia yang melakukan pembuangan atau pelepasan sisa sama ada cecair, gas, pepejal, atau separa pepejal secara tidak terawat ke persekitaran. Akibatnya bencana alam sekitar akan berlaku melalui tindak balas terhadap persekitaran. Tindak balas ini berlaku sebagai amaran bahawa alam semula jadi telah "tenat" akibat daripada ketamakan dan kerakusan manusia dalam berinteraksi dengan alam semula jadi. Bencana yang berlaku ini bukan sahaja melibatkan kos rawatan yang tinggi untuk sungai yang tercemar, bahkan melibatkan masalah kesihatan dan ancaman nyawa kepada penduduk sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bencana Alam Sekitar : Kualiti Hidup Masyarakat Terjejas'
oleh Haryati Shafii
*Dewan Masyarakat* Bil.6, 201

**Bahan 2**

Bumi Malaysia kaya dengan khazanah semula jadi seperti gunung, hutan, pantai, tasik dan sebagainya serta memiliki kepelbagaian flora dan fauna yang unik. Namun begitu, keindahan alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti negara terjejas disebabkan oleh pencemaran dan pengurusan buangan sisa yang tidak teratur. Malangnya, kerosakan alam ini dilakukan oleh tangan manusia sendiri yang rakus demi keuntungan dan kepentingan diri. Menyorot permasalahan yang berlaku pada masa ini, ternyata negara sedang berdepan dengan pelbagai kerosakan di darat dan di laut yang *semakin kritikal*. Kerosakan ini jelas memberikan kesan buruk kepada sosioekonomi dan kesihatan penduduk.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tangani Masalah Pencemaran Plastik'
oleh Hafizah Marzuki
*Dewan Masyarakat* Bil.2, 2022

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *semakin kritikal*. [2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keindahan alam sekitar terjejas.

[3 *markah*]

(iii) Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan baharu.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan amalan kitar semula?

[4 *markah*]

(iv) Anda mendapati jiran-jiran anda sering melakukan pembakaran terbuka dengan membakar sampah sehingga menyebabkan pencemaran udara berlaku di kawasan perumahan. Anda ingin menghentikan perbuatan jiran-jiran anda yang tidak bertanggungjawab itu.

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, nyatakan langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

[4 *markah*]

2. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Pantun Integriti**

Di Tanjung Papan naik menara,
Melihat seri alam bersinar,
Dalam sopan kita berbicara,
Mengapakah mesti berkata benar?

Orang dagang pergi ke seberang,
Mengail siakap juga gelama,
Kalau memegang harta orang,
Apakah sikap paling utama?

Di atas para ikan kelisa,
Cantik sisiknya menawan hati,
Nyatakan cara manfaatkan masa,
Kerana perginya tiada ganti.

Usah dibiar tidak berjahit,
Sulaman renda bentuknya bujur,
Berkata benar walaupun pahit,
Itulah petanda peribadi jujur.

Teruna berlima leka memanah,
Busur di tangan tidak mengena,
Paling utama sikap amanah,
Harta jangan disalah guna.

Burung pekaka terbang ke desa,
Hinggap di rimba dengan riang.
Jangan suka *membuang masa*,
Manfaatkan masa yang terluang.

Sumber: *Internet*

**Bahan 2**

**Terapkan Integriti**

Amanah amalan kita
yang jadi pegangan
jujur sedia bersama
untuk bina negara.

Sedia demi pertiwi
kukuh jiwa jati diri
kekalkan taat setia kita
negara aman jaya.

Mari amal prinsip Rukun Negara
perangi rasuah musuh utama
jujur telus ikhlas
negara tercinta.

Marilah kita terapkan
amalan integriti.

Sumber: *Internet*

**Bahan 3**

Integriti dinisbahkan sebagai sikap jujur, amanah dan amalan moral yang tinggi dalam diri seseorang individu. Keutuhan sesebuah organisasi atau negara bergantung kepada nilai integriti yang ada pada individu dalam organisasi dan masyarakat. Musibah COVID-19 banyak menguji dan mengajar kita mengenai kepentingan nilai integriti. Kurangnya nilai kejujuran dalam diri individu dan masyarakat yang akhirnya boleh menyebabkan hilangnya maruah diri. Ketirisan perkakasan hospital seperti topeng muka dan sarung tangan dalam suasana serba sulit hari ini dek COVID-19 menunjukkan 'kulit' sebenar sesetengah individu dalam masyarakat. Sikap sebegini memberikan impak yang besar kepada negara.

Dipetik dan diubah suai daripada Kepentingan Integriti Pada Waktu Mencabar,
oleh Prof Madya Dr Nurul Aini Muhamed,
daripada *https://www.bharian.com.my*, April 2021.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah yang perlu untuk memastikan Negara aman jaya.

[2 *markah*]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, berikan persamaan nilai positif yang patut diamalkan.

[3 *markah*]

(iii) Sikap pegawai kerajaan yang tidak berintegriti pada hari ini boleh mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap sektor kerajaan.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca kemerosotan integriti dalam kalangan masyarakat pada hari ini?

[4 *markah*]

(iv) Anda berada di tempat letak kereta. Rakan anda terlanggar sebuah kereta. Kejadian itu dilihat oleh pegawai yang bertugas. Rakan anda menyelesaikan masalah itu dengan memberikan sogokan kepada pegawai berkenaan.

Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk menasihati rakan anda dalam hal tersebut?

[4 *markah*]

*Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

3. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Eh, saya datang ke sini sebab ayah saya mahu ajak awak bersarapan di pekan,” tambah See Hwa menyatakan tujuan kedatangannya pagi itu.

“Saya sahaja?”
See Hwa menggeleng. “Kita,” ujarnya pendek, disusuli ketawa manja. “Cepatlah tukar pakaian. Awak tahu kan ayah saya tu memang tak suka orang lambat-lambat. Saya tunggu awak di rumah,” ujarnya lagi memberikan arahan.

Pada pagi itu mereka bertiga menikmati lontong di salah sebuah gerai di kompleks niaga yang terletak di tengah-tengah pekan. Menurut Tauke Ong, lontong Haji Halim memang tiada tandingannya di daerah ini. Kelazatan kuah dan sambalnya serta lauknya yang pelbagai pilihan akan menyebabkan orang yang pernah merasainya pasti akan datang lagi. Setelah menikmatinya, Haiqal turut mengakui kelazatan lontong Haji Halim.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*
karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab lontong Haji Halim tiada tandingan di daerah itu?
[4 *markah*]

4. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani karya Beb Sabariah
(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
(h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan amalan keprihatinan bagi setiap novel.

[6 *markah*]

LATIHAN 2

PEMAHAMAN | PETIKAN UMUM

1. *Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Herba jadi Ubat**

Setelah seminggu menghabiskan cuti sekolah di rumah nenek, dapatlah juga saya mengumpulkan maklumat tentang petua nenek. Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa bentuknya yang hampir sama. Nenek memberitahu saya, daun kaduk boleh dijadikan ulam manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk dan kulat pada kaki.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4, *Dewan Bahasa dan Pustaka,*
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 2**

Tanaman herba mudah didapati terus dari kawasan hutan atau melakukan proses perkembangan tanaman dari benih yang diperoleh. Herba bukan sahaja boleh digunakan sebagai bahan penyedap dalam masakan, malah turut digunakan untuk tujuan perubatan terutamanya dalam kaedah perubatan tradisional. Kaedah perubatan tradisional menggunakan herba bukan sahaja terdapat di negara ini tetapi amalan ini turut dipraktikkan di seluruh pelosok dunia mengikut budaya masing-masing. Berpandukan maklumat daripada Jabatan Perhutanan Malaysia, terdapat beberapa jenis tumbuhan atau herba sama ada dari hutan atau di sekeliling penempatan manusia yang mempunyai *pelbagai kelebihan*. Tiada cara untuk mengetahui dengan tepat budaya terawal menggunakan herba tetapi mereka telah mengambil masa selama beribu-ribu tahun bereksperimen dengan penggunaan herba.

Dipetik dan diubah suai daripada
Herba dan Manfaat Penggunaan terhadap Manusia,
oleh Farah Aziz, *Hello Doktor,* 18 Jun 2020.

(i) Berdasarkan **bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *pelbagai kelebihan.*

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** , nyatakan manfaat tumbuhan herba.

[3 *markah*]

(iii) Industri herba di negara ini perlu dimajukan kerana masyarakat mula cenderung menjadikan tumbuhan herba sebagai bahan utama kegunaan harian.

Pada pendapat anda, apakah kesan penggunaan herba dalam kalangan masyarakat?

[3 *markah*]

(iv) Ada keluarga menjadi pengusaha produk berasaskan tumbuhan herba. Antara produk yang dihasilkan ialah minyak urut, kosmetik, losen dan minyak wangi. Walau bagaimanapun penggunaan herba dalam perubatan dan kecantikan masih belum digunakan secara meluas. Masyarakat kurang yakin dengan keberkesanan produk yang berasaskan herba ini kerana terdapat sebahagian besar produk yang tidak mendapat kelulusan pihak berwajib.

Sekiranya anda diberi tanggungjawab untuk menguruskan perusahaan tersebut pada masa akan datang, apakah tindakan anda untuk memajukan perusahaan ini?

[4 *markah*]

2. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan- soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Jam sudah menunjukkan pukul 6:00 pagi. Fajar sudah menyingsing. Cahaya matahari sudah menyingkap tabir subuh memancarkan sinaran paginya ke arah Bukit Kepong. Bukit Kepong mulai terang. Tembakan kedua-dua pihak terus hebat. Pasukan Sarjan Jamil Mohd. Shah masih kuat bertahan, pasukan komunis masih gagal masuk ke kawasan kompleks polis.

Tiba-tiba Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya mendengar bunyi *bugle* ditiupkan buat kali kedua. Bunyi tembakan musuh mula mereda, kemudian terus senyap. Tiba-tiba suara parau berkumandang di udara melalui satu corong pembesar suara.

"Polis, ooii polis, menyerah!" jerit Madera.

"Polis, baik menyerah! Awak semua sudah terkepung!" jerit Madera sekali lagi.

"Polis tidak menyerah, kami tidak akan menyerah!" jerit Othman Yusuf penuh semangat. Jeritan Othman Yusuf *menaikkan bulu roma* rakan-rakannya. Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya akur sahaja dengan jawapan Othman Yusuf tadi.

"Kita ke sini bukan untuk menyerah, kita menjalankan amanah dan tanggungjawab!" kata Sarjan Jamil Mohd. Shah, memberikan semangat kepada anak buahnya.

"Polis tidak akan menyerah, kami akan lawan!" jerit kuat Sarjan Jamil Mohd. Shah. Anak buahnya sedang bertahan di dalam kubu masing-masing mematikan diri sambil bersiap sedia dengan senjata dihalakan ke arah musuh.

Sumber: Dipetik daripada Bukit Kepong,
oleh Ismail Johari, 1999,
*Dewan Bahasa Pustaka*

**Bahan 2**

## Pahlawan dan Tanah Air

Pahlawan sejati,
Dalam hatinya bernyanyi,
Tanah air dan bangsa,
Di mana terpaut cinta mulia,
Untukmu darah ini mengalir,
Padanya jasad ini cair.

Usman Awang
1958
( sumber: Dipetik daripada *Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang*, 1991, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berdasarkan **Bahan 1,** apakah maksud rangkai kata *menaikkan bulu roma*?

[2 *markah*]

______________________________________________

______________________________________________

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** , apakah persamaan yang terdapat dalam bahan-bahan tersebut?

[3 *markah*]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah semangat patriotisme dalam kalangan remaja kini semakin terhakis?

[4 *markah*]

(iv) Hafiz melihat rakan karibnya memijak-mijak Jalur Gemilang sambil ketawa di satu sudut bilik kelasnya.
Sekiranya anda sebagai Hafiz, apakah tindakan segera yang akan anda lakukan?

[4 *markah*]

*Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

3. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Maafkan Milah, abang. Nak tanya satu soalan, tapi abang jangan marah," kata Mak Milah.

"Abang janji tak marah," ujar Pak Saidi.

"Bukankah abang ini keturunan pahlawan. Datuk moyang abang dulu sanggup mati kerana menentang Inggeris. Mereka benci sungguh dengan orang putih. Alih-alih, abang nak hantar anak ke sekolah Inggeris." Pak Saidi tidak segera menjawab pertanyaan itu. Dia seperti sudah menjangka pertanyaan itu akan muncul daripada mulut isterinya. Dia berfikir sejenak bagi mencari jawapan yang paling baik.

"Orang Melayu akan terus menentang Inggeris selagi mereka menjajah tanah air kita. Tetapi penentangan itu sudah berbeza. Kalau dahulu pahlawan Melayu menentang Inggeris dengan kekerasan atau menggunakan senjata sekarang kita menentang penjajah menggunakan cara politik. Oleh itu, anak-anak kita mesti diberi ilmu pengetahuan supaya setanding dengan orang Inggeris. Kalau orang Melayu masih tidak mahu berubah, maka selamanya akan dicucuk hidungnya oleh penjajah."

Dipetik daripada novel
*Leftenan Adnan Wira Bangsa*
oleh Abdul Latip Talip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah pandangan isteri Pak Saidi terhadap keturunan Pak Saidi?

[4 *markah*]

4. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani karya Beb Sabariah
(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
(h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan bagi setiap novel.

[6 *markah*]

LATIHAN 3

PEMAHAMAN | PETIKAN UMUM

1. *Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Perdana Menteri menggesa rakyat meningkatkan amalan penjagaan kesihatan bagi menghindari diri dan ahli keluarga daripada dijangkiti COVID-19. Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa memastikan diri masing-masing dalam keadaan bersih, selain menggunakan pelitup muka dan mencuci tangan dengan cecair pembasmi kuman. "Kurangkan bersentuhan dan bersalaman. Elakkan daripada menghadiri sebarang bentuk perhimpunan yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan virus ini," katanya ketika menyampaikan perutusan Perdana Menteri berkaitan penularan jangkitan COVID-19, yang disiarkan secara langsung di RTM, TV3, Bernama TV dan Astro Awani, hari ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jaga Kebersihan Diri, Elak Dijangkiti COVID-19'
*BH Online,* 13 Mac 2020

**Bahan 2**

Penularan wabak COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu bakal mendidik rakyat di seluruh negara untuk *mengubah tabiat* dan menjadikan kebersihan diri sebagai norma kehidupan baharu. Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, "Pelitup muka dan pensanitasi tangan akan menjadi antara barangan keperluan rakyat yang dapat menghindari jangkitan COVID-19. Pemakaian pelitup muka serta amalan mencuci tangan sudah menjadi kebiasaan kepada masyarakat kini, dan norma baharu ini akan menjadi kebiasaan dalam mendidik rakyat selepas tamatnya PKP dan COVID-19," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Pasca COVID-19: Kebersihan Diri Sebagai Norma Kehidupan Baharu"
*Buletin Mutiara,* 27 April 2020

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mengubah tabiat.*

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk menghindari jangkitan
COVID-19.

[3 *markah*]

(iii) Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah drastik mengekang penularan COVID-19.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan positif Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kehidupan masyarakat selain mengekang penularan COVID-19?

[4 *markah*]

(iv) Anda mengesyaki adik lelaki anda mengalami simptom-simptom ringan COVID-19 seperti demam dan sakit tekak.
Sebagai seorang kakak atau abang, cadangkan langkah-langkah penjagaan di rumah yang boleh dilakukan.

[4 *markah*]

2. Sebagai seorang kakak atau abang, cadangkan langkah-langkah penjagaan di rumah yang boleh dilakukan.

**Bahan 1**

Hari semakin terang. Perbauran rentetan senapang dengan ledakan bom mortar dan jerit pekik penghuni kampung Pulau Pak Amat, sudah merasuk dan menghantu. Di sana sini sudah kelihatan orang berlari. Pancaran kemerah-merahan dari sebelah timur telah menjelaskan kejadian yang mengagumkan itu. Di bibir pantai, kira-kira seratus atau dua ratus ela dari rumahku. Ya Tuhan! Kulihat barisan dan lembaga-lembaga itu bergerak dengan cepat. Semuanya menuju ke benteng di kuala. Tidak dapat kubilang. Tidak dapat. Lembaga-lembaga itu terus mendarat dari sampan-sampan yang masih bertaburan di dalam laut (kemudian baru kutahu sampan-sampan itu ialah sampan getah yang sangat banyak).

Dalam kebingungan yang sudah menguasai kampung kami dengan tiba-tiba itu, aku masih berceratuk bersama-sama keluargaku. Ketika ayahku termangu-mangu, kami sempat melihat satu lembaga berlari pantas dan menuju kepada kedudukan kami.

Dipetik daripada cerpen
'Pahlawan Buntung'
karya S. Othman Kelantan
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Bahan 2**

**Bakti Putera Timur**

Beta lahir di timur
Bumi nan luhur
Tanah yang makmur
Penuh ratna bertabur.

Beta Putera Asia
Sebagai kembang Negara
Penuntut bela
Pengawal nusa bangsa.

Tiada reda sekali-kali
*Tanah air beta dilumuri barat*
Biar tercerai roh tajali.

Beta tepa, berbakti jihad
Hanya inilah bakti hamba
Sebagai putera, Asia Timur
Mengawal menjaga, tanah persada
Agar kekal gemilang makmur.

*Kamaruzzaman A. Kadir*
Puisi Sepanjang Zaman, Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur, 1989.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *Tanah air beta dilumuri barat.*

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **setiap bahan**, nyatakan situasi yang berlaku sewaktu kedatangan penjajah asing ke negara kita.

[3 *markah*]

(iii) Hubungan diplomatik amat penting bagi dua buah negara yang bersempadan atau berjiran untuk menjamin kedamaian negara dan keamanan serantau.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga hubungan diplomatik kepada negara?

[4 *markah*]

(iv) Ketika nyanyian lagu Negaraku dimainkan melalui corong pembesar suara di sekolah anda, beberapa orang rakan kelas anda masih lagi berbual-bual dan tidak berdiri tegak.
Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan agar perkara ini tidak lagi berulang.

[4 *markah*]

3. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Ada kebimbangan yang terbit di hatinya. Namun, dia berharap yang disangkanya itu tidak akan berlaku. Dia kasihan akan Haiqal. Anak muda yang terlalu memendam rasa. Dalam hati kecilnya dia berdoa agar kemelut yang melanda anak muda itu akan segera berakhir.

Hujan masih belum ada tanda mahu berhenti. Masih lagi mencurah-curah. Lampu-lampu kuning di sepanjang jalan di pantai Batu Buruk itu telah dinyalakan. Pantai Batu Buruk yang tadinya agak riuh, perlahan-lahan menjadi sepi. Pelanggan di gerai juga semakin berkurangan. Jika ada pun, yang sedang duduk di gerai–gerai itu pengunjung yang datang ke situ dengan menunggang motosikal.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,
oleh Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gambarkan keadaan di Pantai Batu Buruk.

[4 markah]

4. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani karya Beb Sabariah
(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
(h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menimbulkan rasa simpati kepada pembaca bagi setiap novel

[6 *markah*]

**LATIHAN 4** | **PEMAHAMAN** | **PETIKAN UMUM**

1. *Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 2**

Penjawat awam perlu mempunyai integriti. Integriti berkait rapat dengan jati diri merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan melaksanakan amalan terbaik. Seorang penjawat awam, diwajibkan mengisytiharkan harta diperoleh sebelum dilantik dan ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Biasanya penjawat awam diminta berbuat demikian ketika mula melaporkan diri di jabatan kerajaan dan memperbaharuinya setiap lima tahun.

Selain itu, penjawat awam juga disarankan untuk menghadiri program integriti anjuran SPRM. Program ini menyediakan input dan penghayatan ke arah ikrar integriti bagi *menjelaskan peranan* SPRM.

Dipetik dan diubah suai daripada
*'Integriti Cerminan Personaliti Pemimpin'*
oleh Prof Datuk Dr Ismail Sualman,
*Berita Harian Online*, 15 Mac 2020.

**Bahan 2**

Dua tahun lalu, para peserta kursus pegawai integriti bertauliah dibawa melawat Bandar Raya Melaka Bersejarah. Semasa sedang berbual-bual dengan pengendali bot persiaran, beliau ditanya sama ada penumpang boleh cuba mengendali bot. Jawapan tegas beliau, "Tidak boleh encik, ini tugas saya. Keselamatan anda kami kena jaga". Sikap menunaikan amanah dan komitmen dengan tugas pengendali bot itu mencerminkan nilai integriti yang diamalkan beliau dalam memastikan nyawa penumpang sentiasa menjadi keutamaan.

Jelasnya, ada banyak contoh yang boleh dikongsikan apabila membicarakan budaya integriti. Buktinya, sebahagian besar pekerja yang berjumlah 10 juta orang di negara ini sentiasa mengutamakan nilai-nilai integriti sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang tersurat atas nama undang-undang atau kod etika kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada
*'Jangan Pandang Mudah Integriti di Tempat Kerja,"*
oleh G Manimaran,
*Astro Awani Online*, 01 Mei 2018.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menjelaskan peranan*.

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan bagaimana seseorang pekerja dapat mewujudkan persekitaran dan budaya berintegriti.

[3 *markah*]

(iii) Usaha melahirkan seorang pemimpin berkualiti perlulah dipupuk bermula daripada peringkat sekolah lagi.
Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pemimpin murid yang berkualiti di sekolah?

[4 *markah*]

(iv) Anda bertugas di sebuah jabatan kerajaan. Anda mendapati seorang rakan sepejabat anda sering datang lewat dengan memberikan pelbagai alasan. Rakan anda ini telah diberikan teguran oleh ketua jabatan dan akan diambil tindakan jika masih mengulangi sikap yang sama.
Sebagai rakan sekerja yang prihatin, cadangkan langkah-langkah bagi membantu rakan anda agar menepati masa bekerja.

[4 *markah*]

2. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

| | | |
|---|---|---|
| Aiman | : | Masalahnya saya tak mahu pergi. Saya nak minta *daddy* tolong dapatkan pengecualian untuk saya. Saya tak sukalah program macam itu! |
| Khir Ghazali | : | Kalau itu yang Aiman nak *daddy* bantu, *daddy* akan kata tidak. *Daddy* minta Aiman pergi sertai PLKN itu. Banyak faedah yang akan Aiman dapat. Cubalah berfikir seperti orang dewasa, Aiman bukan budak-budak lagi. Jadilah manusia yang sentiasa dahagakan ilmu dan pengalaman. Jangan hanya pandai meminta daripada berusaha. |
| Aiman | : | Lecehlah berbincang dengan *daddy*. Semua keputusan *daddy* akan tentukan dan Aiman hanya kena ikut. Baik Aiman minta tolong daripada *mummy* pula. *Mummy* lebih faham akan jiwa dan kemahuan Aiman. |

Dipetik daripada cerpen
'*Berkhidmat Untuk Negara*'
oleh Affix Zulkarnaen Adam
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

**Bahan 2**

## Ikrar Orang Muda

Aduhai orang muda
bukalah pagi ini dengan pemikiran
ukirkan tanah nusa yang tercinta
dengan belati kebijaksanaan
bersama naskhah keimanan
lalu kalian harus berlari
memintas cahaya sebelum kelam menerpa
serta duga dan cabar senja

Anak muda dengan minda perkasa
sarat melimpah fakta
gaulkan dengan teori waspada
sambil melangkah sambil berdoa
biar perjuangan ke destinasi
menyala obor cintanya

Tandakan dalam takwim usiamu
anak muda yang tabah dan berani
ini perjalanan untuk membina wajah
kentalnya figuratif kendiri
tanpa putih mata
memercik cahaya yang sakti
daripada sumpah setia kepada pertiwi

Bukalah segala pintu hakiki
dari semua pintu dimensi
dalam tingginya imaginasi!

Dipetik daripada
'*Ikrar Orang Muda*'
oleh Solihin Osman
*Dewan Siswa* Bil.11, 2018

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah Aiman berpendapat dia sukar untuk berbincang dengan ayahnya?

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan beberapa pesanan kepada generasi muda yang berguna untuk diri mereka.

[3 *markah*]

(iii) Negara memerlukan pewaris yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif dalam mencorak pentadbiran negara pada masa hadapan.
Pada pendapat anda, apakah manfaat jika seseorang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif ?

[4 *markah*]

(iv) Sahabat anda telah mendaftarkan diri untuk menyertai pertandingan inovasi antara kelas. Namun, sahabat anda menghadapi masalah untuk membuat pembentangan projek inovasinya kerana kurang keyakinan diri apabila berhadapan dengan orang ramai.
Sebagai seorang sahabat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu sahabat anda itu?

[4 *markah*]

3. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bayangkan, sejak Uwang mengambil alih pusat rawatan itu, bukan sahaja bilangan doktor bertambah banyak, malah wad-wad dan bangunan diperbesar dan diperindah. Sehingga kini wujud wad-wad Super VIP di salah satu tingkat bangunan PRPK itu. Namun walaupun perniagaan kesihatannya itu kini telah dilengkapi peralatan serba canggih, tetapi masih juga tidak mendapat sebarang pengiktirafan malahan dicurigai oleh bapanya sendiri.

Mungkinkah sebenarnya bapaku mahu aku terus mengamalkan cara lama untuk merawat pesakit, biarpun hal yang agak berkurang adalah kemampuan untuk mendapatkan data?" tanya hati Uwang, secara tiba-tiba.

Dipetik daripada novel
'*Pantai Kasih*',
karya Azman Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah kejayaan yang dicapai oleh PRPK sejak Uwang mengambil alih pusat rawatan ini daripada bapanya?

[4 markah]

4. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani karya Beb Sabariah
(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
(h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan bagi setiap novel.

[6 *markah*]

## BAHAGIAN C: RUMUSAN

| Markah penuh 30 dibahagi kepada: | |
|---|---|
| (a) | Markah maksimum - **20 markah** |
| (b) | Bahasa maksimum - **10 markah** |

| (a) | **Isi [20 markah]** |
|---|---|
| | **Nota:** |
| i. | Panduan mengira perkataan |
| | ● nama khas |
| | ● perkataan berganda |
| | ● penggunaan kata sendi *di* dan *ke* |
| | ● tarikh |
| | ● angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan |
| | ● gelaran |
| | ● penanda wacana |
| ii. | Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa. |
| iii. | Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**. |
| iv. | Berikan dua markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja. |
| v. | Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan. |
| vi. | Jumlah isi maksimum yang diterima daripada s**emua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja. |

| (b) | **Bahasa [10 markah]** |
|---|---|
| | Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik. |

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|---|---|---|
| Cemerlang | 8 - 10 | ● Kesinambungan ayat *sangat* baik<br>● Bahasa *sangat* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaa tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>● Penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>● Pengolahan *sangat* menarik dan berkesan |

| | | |
|---|---|---|
| Baik | 5 - 7 | ● Kesinambungan ayat baik<br>● Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaa tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>● Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat<br>● Pengolahan *masih* menarik dan berkesan |
| Sederhana | 3 - 4 | ● Kesinambungan ayat *kurang* baik<br>● Bahasa *kurang* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaa tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>● Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat<br>● Pengolahan *kurang* menarik dan berkesan |
| Lemah | 1 - 2 | ● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami |

**Nota:**

i. Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.

ii. Jika markah isi 6 dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa.(rujuk jadual)

iii. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik* markah maksimum bahasa ialah 5 markah.

iv. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan,ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.

v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum 10 markah]**

## LATIHAN 1

*Baca dan teliti* **setiap bahan** *yang diberikan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Bank Dunia dalam satu laporan mengatakan dunia semakin menghampiri kemelesetan global pada tahun ini, rentetan krisis kewangan berlaku di seluruh dunia. Tekanan terhadap kenaikan harga barangan dan perkhidmatan ini kemungkinan besar berpunca daripada kekurangan bekalan.

Bekalan kurang disebabkan oleh pengurangan pengeluaran oleh pengeluar tempatan ataupun bekalan dieksport ke pasaran yang lebih menguntungkan. Inflasi juga adalah salah satu punca utama kenaikan harga barang. Inflasi merupakan peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara umum dalam suatu ekonomi. Permintaan pasaran yang tinggi terhadap sesuatu barang yang melebihi penawaran akan menyebabkan harga akan naik. Pemain besar seperti perniagaan dan syarikat besar seringkali memperkayakan diri mereka sendiri dengan menaikkan harga barang. Ini kerana mereka mempunyai kuasa untuk mempengaruhi harga barang dan memperoleh keuntungan yang lebih besar.

Timbulnya pelbagai reaksi susulan saranan meredakan kenaikan harga makanan. Oleh itu, pembanterasan tindakan monopolistik dan kartel yang menekan pengguna dan meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara perlu dilaksanakan. Kebijaksanaan pengguna mampu menjadi kuasa yang dapat meredakan kenaikan harga, khususnya peningkatan harga yang tidak berpatutan. Pengguna berupaya mempengaruhi harga di pasaran dan mendisiplinkan peniaga untuk menawarkan harga yang adil bersandarkan faktor penawaran dan permintaan yang sebenar. Di samping itu, kesediaan pengguna untuk membuat peralihan gaya hidup yang bersesuaian tanpa menjejaskan kualiti kehidupan juga akan ditingkatkan. Bersama-samalah kita merealisasikan harapan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang hebat untuk semua.

Dipetik dan diubah suai daripada<br>
*'Membendung Kenaikan Harga'*<br>
oleh Khairul Anwar Mohd. Nor,<br>
*Dewan Masyarakat,* Bil.05/2023

**Bahan 2**

Isu kenaikan harga barang menjadi hangat sejak belakangan ini memandangkan ia berada di paras yang sangat membimbangkan. Dalam usaha untuk mengawal kenaikan harga barang, penetapan harga siling oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah dilaksanakan. Penetapan harga siling pada bekalan makanan seperti minyak masak, roti, gula dan tepung cukup signifikan bagi membantu meringankan beban kewangan masyarakat terutamanya golongan miskin. Di samping itu, kenaikan harga barang boleh diatasi dengan mempraktikkan amalan jimat-cermat oleh kita sebagai pengguna. Amalan berbelanja dengan berhemah dan mendahulukan keperluan daripada kehendak perlu dipraktikkan.

Persoalannya kenapa harga barang naik? Kadar tukaran mata wang tinggi turut menyebabkan kenaikan harga barang keperluan sekali gus memberi kesan kepada kenaikan cukai keluar masuk barang. Bagi kilang-kilang yang mengimport bahan mentah, kenaikan harga barangan import menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Akhirnya beban kos tersebut berpindah kepada pengguna. Sesetengah barang sukar dihasilkan di Malaysia seperti epal, gandum, bawang, lobak dan sebagainya. Kenaikan bahan api juga antara punca utama kenaikan harga barang-barang. Mobiliti kesemua barang-barang keperluan sememangnya bergantung kepada kos bahan api.

Sumber : //mykmu.net

**Bahan 3**


Awak tahukah Malaysia sebagai negara yang membangun turut terkesan dengan kenaikan harga barang
Kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersama-sama menangani kenaikan harga barangan
FACEBOOK.COM/COMICSTRIPER
Boleh sahaja kita bertindak memboikot barang atau pasar raya yang menaikkan harga
Kalau macam itu, pemantauan dan tindakan yang tegas oleh pihak berkuasa terhadap peniaga perlu dipertingkatkan.
FACEBOOK.COM/COMICSTRIPER

## LATIHAN 2

*Baca dan teliti* setiap bahan *yang diberikan, kemudian buat satu* rumusan *yang panjangnya* tidak melebihi 120 patah perkataan. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan*.

**Bahan 1**

Modul bimbingan rakan sebaya dilaksanakan oleh murid melalui bimbingan rakan sebaya yang dipilih oleh guru. Modul tersebut disediakan untuk membantu apdmmurid meningkatkan penguasaan bahasa melalui kaedah pembelajaran koperatif. Kerjasama antara guru pembimbing dan murid adalah sangat diperlukan agar objektif pembelajaran tercapai. Oleh itu, dalam modul bimbingan tidak wujud semangat persaingan tetapi keinginan untuk berkongsi kejayaan. Kesan daripada pembelajaran ini juga menyebabkan murid dapat menerima maklum balas untuk memudahkan kefahaman mereka semasa pembelajaran berlaku.

Modul bimbingan rakan sebaya perlu disediakan oleh guru untuk memastikan murid melakukan pembelajaran secara terancang tanpa arahan dan bimbingan guru. Kaedah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran dan keprofesionalan guru untuk mempelbagaikan gaya pembelajaran di dalam kelas terutamanya dalam aspek pengajaran bahasa. Guru lebih memahami keperluan pembelajaran murid yang berbeza dari segi tahap pembelajaran dan latar belakang.

Bagi memastikan modul ini berjaya terlaksana, guru perlulah mendapatkan sokongan dan kebenaran daripada pentadbir sekolah seperti pengetua, penolong kanan, guru kanan, serta guru-guru supaya mereka tahu tentang hasrat yang ingin dicapai dalam sesuatu modul pembelajaran yang dilaksanakan. Selain itu, modul bimbingan biasanya tertumpu pada aspek peningkatan akademik. Oleh hal yang demikian, guru yang bertanggungjawab dalam modul ini perlu memastikan matlamat utama dan objektif modul bimbingan rakan sebaya ini ditulis secara terperinci supaya dapat dibaca oleh orang lain. Bukan itu sahaja, guru mata pelajaran perlu membina suatu rangka kurikulum untuk diikuti oleh pembimbing rakan sebaya dengan memberikan panduannya sekali.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Modul Bimbingan Rakan Sebaya'
oleh Nabihah Yusof
*Pelita Bahasa,* Bil. 01/2017

**Bahan 2**




**Bahan 3**

Tanam belimbing berbuah lebat;
Tepian titi dipetik sakan;
Latih pembimbing biar hebat;
Terus berbakti buat rakan.

Bersama rakan turun berburu;
Terjerat tupai tepian titi;
Buat penilaian tugasnya guru;
Hajat tercapai sudah pasti.

## LATIHAN 3

*Baca dan teliti* setiap bahan *yang diberikan, kemudian buat satu* rumusan *yang panjangnya* tidak melebihi 120 patah perkataan. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan*.

**Bahan 1**

Seluruh makhluk yang hidup di atas muka bumi ini saling bergantung pada sumber kehidupan yang sama dan memerlukan antara satu sama lain bagi memenuhi kecukupan hidup. Sebagai manusia yang memiliki akal yang sihat dan kuasa membimbing, haruslah membantu dalam memelihara alam sekitar supaya kerosakan tidak terus berlaku.Dalam menangani isu ini, kebebasan individu atau pihak tertentu yang mengeksploitasi hasil semula jadi alam demi kepentingan masing-masing merupakan antara perkara yang sering menjadi perhatian kita. Tanpa disedari, tindakan salah mereka ini perlahan-lahan menghakis ekosistem alam sehingga menghancurkan keaslian dan keselamatannya.

Selain itu, tindakan tidak peduli sesetengah pihak di tapak pembuangan sampah seperti pembuangan sampah yang merata-rata serta banyaknya sampah turut menyumbang kepada pencemaranalam sekitar. Pencemaran air berlaku disebabkan oleh aktiviti pembangunan yang rancak tanpa kawalan. Tindakan ini memberikan kesan terhadap kesucian sumber air dan membawa kepada kemudaratan apabila kita menggunakannya. Sebagai contoh, pembuangan sisa toksik kilang haram yang mengandungi racun yang boleh membawa maut dibuang ke dalam sungai atau laut.

Seterusnya, pencemaran tanah telah menjejaskan manusia yang menghuni kawasan di sekelilingnya dan menyebabkan kemusnahan hidupan yang lain. Jelasnya, pembangunan yang tiada penghujungnya ini perlulah dipandang serius supaya pencemaran alam sekitar dapat diatasi bersama. Pembakaran sisa binaan yang dilakukan sesuka hati oleh pihak yang tidak bertanggungjawab juga telah memberikan kesan buruk terhadap ekosistem flora dan fauna. Di Malaysia, pembakaran terbuka, penebangan pokok secara besar-besaran dan pembuangan sampah atau sisa di merata-rata telah mengakibatkan pencemaran. Oleh itu, dengan mengetahui faktor pencemaran alam sekitar ini amat penting agar tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan oleh pihak berkuasa.

Dipetik dan diubahsuai daripada
‘*Menyelami Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar’*
oleh Tasniim Salsabiila
*Dewan Masyarakat,* Bil. 04/2023

**Bahan 2**




Dipetik dan diubah suai daripada
*"Menyelami Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar"*
oleh Tasniim Salsabiila
*Dewan Masyarakat,* Bil. 04/2023

**Bahan 3**




Sumber Poster: Laman Sesawang

*Baca dan teliti* **setiap bahan** *yang diberikan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Kewujudan e-sukan yang menjadi kegilaan golongan remaja dan dewasa kini semakin berkembang pesat selari dengan kecanggihan teknologi. Secara umumnya, sukan elektronik atau e-sukan merupakan satu bentuk sukan yang menggunakan medium elektronik, iaitu permainan video untuk bersaing dengan individu yang lain dalam talian. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif kerajaan untuk mengetengahkan e-sukan di Malaysia, namun tahap kesedaran masyarakat sendiri terhadap e-sukan masih kurang kerana beranggapan e-sukan sering dikaitkan dengan aktiviti membuang masa. Masyarakat juga sering keliru antara istilah e-sukan dengan permainan video biasa. Keadaan ini lebih parah lagi apabila terdapat sesetengah masyarakat beranggapan e-sukan banyak unsur keganasan yang boleh mempengaruhi pemikiran manusia terutama sekali kanak-kanak.

Selain itu, tanggapan sesetengah orang e-sukan menyebabkan kecelaruan mental sekiranya terlalu lama bermain. Tambahan pula, pembaziran wang akan berlaku semata-mata untuk mendapatkan capaian Internet yang baik. Tanggapan buruk ini menjadi halangan untuk membangunkan industri e-sukan di Malaysia. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan pelibatan dalam e-sukan menjadikan seseorang mempunyai tindakan atau reaksi yang pantas. Kajian daripada seorang pensyarah di Jerman mendapati bahawa individu yang terlibat dalam e-sukan ini mampu melakukan 400 pergerakan dalam seminit di atas papan kekunci. Selain itu, e-sukan menjadikan seseorang berfikiran kolektif dan kreatif, kuat daya ingatan dan mudah menerima maklumat baharu. Sebagai contoh, permainan PUBG yang memerlukan pemain untuk menggunakan strategi terbaik dalam mencapai objektif permainan tersebut dalam keadaan yang mencabar minda dan kemahiran diri. E-sukan atau permainan secara maya ini dapat menjadi satu bentuk hiburan atau hobi.

Kita sering kali dibelenggu polemik mengenai masalah sosial dalam kalangan remaja yang mensia-siakan masa mereka. Hal ini dapat diatasi jika golongan remaja ini melibatkan diri dalam e-sukan sama ada sebagai hobi atau hiburan pada masa lapang.E-sukan mempunyai potensi untuk maju pada masa hadapan. Persepsi negatif terhadap individu yang meminati e-sukan atau permainan video seharusnya diubah. Hal ini demikian kerana tidak mustahil suatu hari nanti mereka bakal mengharumkan nama negara melalui e-sukan.

Dipetik dan diubah suai daripada<br>‘Manfaat E-sukan terhadap Remaja<br>Dewan Siswa Bil. 3/2019.

**Bahan 2**

PETALING JAYA: Saingan e-sukan terus berkembang pesat di Malaysia dan terbaharu, menawarkan hadiah lumayan berjumlah RM86,000.00 dalam Festival e-Sukan Johor (JEF22) yang membuka tirai pada 22 Mac 2023. Kejohanan anjuran Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) melalui anak syarikatnya, Sports Johor Sdn. Bhd. (SJSB) itu ialah pertandingan e-sukan terbesar di Johor dan dijangka menarik 7,500 penyertaan. Tiga permainan video utama iaitu FIFA 2022, Mobile Legends: Bang Bang dan PUBG Mobile menjadi acara yang dipertandingkan. E-sukan juga menjadi salah satu kerjaya yang menjanjikan pulangan yang lumayan.

**Bahan 3**



## JAWAPAN KARANGAN BAHAGIAN A

### LATIHAN 1

**Kehendak tugasan**.

1. Calon dikehendaki menghuraikan cara-cara membentuk sahsiah terpuji murid.

2. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan
    a. Menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah
    b. Aktiviti-aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah
3. Calon perlu sentuh semua bahan sebagai idea utama atau sampingan
4. Sekiranya calon sentuh semua bahan dan tambah idea lain berkaitan cara-cara membentuk sahsiah unggul murid diterima seperti biasa
5. Jika calon tidak sentuh semua bahan, maksimum kepujian
6. Calon menulis lebih 210 patah perkataan atau hingga akhir ayat berakhir, maksimum kepujian.
7. Jika kurang 140 patah perkataan, maksimum memuaskan.
8. Calon menulis dalam bentuk point, maksimum Tidak Menguasai Tahap Penguasaan Minimum

**Contoh karangan**

Sahsiah terpuji berkait rapat dengan nilai-nilai keperibadian yang baik seperti hormat-menghormati, jujur, berintegriti dan berdisiplin. Setiap murid perlu memiliki tahap sahsiah yang tinggi. Hakikatnya, murid pada masa ini masih menyimpang daripada akhlak terpuji seperti yang diharapkan. Oleh itu, terdapat beberapa cara untuk membina sahsiah diri yang terpuji dalam kalangan murid.

Cara untuk melahirkan sahsiah terpuji adalah dengan **menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah**. Hal ini berlaku kerana aktiviti kokurikulum di sekolah dapat memupuk semangat kerjasama dalam pasukan. Contohnya, murid akan melakukan aktiviti sukan bersama dengan rakan sepasukan untuk mencapai matlamat yang sama. Murid-murid seharusnya bersikap ibarat menggenggam bara api biar sampai menjadi arang agar semangat kerjasama dapat dibina lalu mewujudkan sahsiah yang terpuji.

Selain itu, sahsiah terpuji juga lahir melalui **aktiviti-aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah**. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembelajaran yang dikawal selia oleh guru akan melatih murid untuk lebih berdisiplin dan bertanggungjawab. Contohnya, murid harus akur dengan setiap arahan yang diberikan oleh guru. Sudah terang lagi bersuluh, penglibatan murid di dalam bilik darjah turut menjadikan murid bersahsiah terpuji.

Kesimpulannya, murid perlu berusaha membina sahsiah yang terpuji bagi menjadi pelajar cemerlang dalam semua aspek. Murid boleh menjadi cemerlang apabila bijak menguruskan masa dan berusaha secara luar biasa kerana usaha tangga kejayaan bak kata peribahasa, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

(192 patah perkataan)

## LATIHAN 2

**Skema**
**Kehendak tugasan.**
Calon dikehendaki menghuraikan ***manfaat-manfaat menjadi ahli koperasi sekolah***
Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan

1. membantu pelajar untuk memahami aspek perniagaan dengan mendalam.
2. Semangat kerjasama dalam satu pasukan turut tertanam dalam jiwa pelajar

Calon perlu sentuh semua bahan sebagai idea utama atau sampingan
Sekiranya calon sentuh semua bahan dan tambah idea lain berkaitan manfaat-manfaat menjadi ahli koperasi sekolah semak seperti biasa
Jika calon tidak sentuh semua bahan, maksimum **kepujian**
(c) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.

| | | |
|---|---|---|
| Baik | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |

(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah bahasa.
(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**Soalan 4 : Novel (ii)**
**Peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan**
**Novel Di sebalik Dinara, karya Dayang Noor**

1. Peristiwa Karl berusaha untuk memajukan diri hingga mendapat pengiktirafan dengan memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan

   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan penting untuk memajukan diri sendiri dalam bidang yang diminati.
2. Peristiwa Farisha menghadiri sebuah simposium di Hotel Renaissance yang diundang oleh Aqram kerana berminat untuk mendengar ucapan Philips Young dan dia juga ingin meningkatkan ilmu pengetahuannya berkaitan keselamatan komputer.
   Huraian : Peristiwa ini dapat diteladani kerana kita perlu sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
3. Peristiwa Azraai memasang pengimbas retina di apartmen adiknya, Farisha bagi memastikan keselamatan Farisha terjamin memandangkan kejadian pembunuhan berlaku di persekitaran kediaman adiknya itu.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan bahawa kepentingan ilmu teknologi maklumat dalam membantu kita mendapatkan cara menyelesaikan isu keselamatan.
4. Peristiwa Farisha menggunakan ilmu pengetahuannya dalam menguruskan syarikatnya bersama Rosman iaitu Secured Shell.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan dapat membantu seseorang mengurus pekerjaan dengan baik.
   **[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

**Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman**

1. Peristiwa Haikal menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang untuk meningkatkan ilmu pengetahuannya dalam mencapai cita-cita.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kesanggupan seseorang merantau ke tempat lain untuk menuntut ilmu demi menjamin masa depan.
2. Peristiwa Haikal yang menuntut ilmu pengetahuan tentang tarian zapin bersama-sama ahli kumpulan zapin D'Purnama demi mempopularkan tarian tersebut semula di Kampung Sri Purnama.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengekalkan budaya warisan yang kian pupus.
3. Peristiwa Rafiqah (umi Haikal) yang memiliki ilmu perniagaan dan mengusahakan perniagaan batik untuk menyara keluarganya.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam menjalankan sesuatu perniagaan.
4. Peristiwa Tauke Ong yang sanggup menoreh getah pada waktu pagi dan meraih hasil tanaman untuk dijual pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pendidikan anak-anaknya supaya anak-anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik lagi.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengubah taraf kehidupan keluarga.
   **[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

## Jawapan Latihan 3

**Soalan 1**

**(i) Maksud** *mengubah tabiat.* **Markah**

| | |
|---|---|
| menukar perangai / kelakuan / watak / tingkah laku / perilaku / sifat | 2 |
| Menukar *tabiat* | 1 |
| *Mengubah* perangai / kelakuan / watak / tingkah laku / perilaku / sifat | 1 |

**(ii) Langkah-langkah untuk menghindari jangkitan Covid-19**

**Bahan 1**

P1 Sentiasa memastikan diri masing-masing dalam keadaan bersih
P2 Selain menggunakan pelitup muka dan mencuci tangan dengan cecair pembasmi kuman.
P3 Kurangkan bersentuhan dan bersalaman.
P4 Elakkan daripada menghadiri sebarang bentuk perhimpunan yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan virus ini

**Bahan 2**

P5 Menjadikan kebersihan diri sebagai norma kehidupan baharu
P6 Menggunakan pelitup muka dan pensanitasi tangan

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**
**[Maksimum: 3 markah]**
**[Isi cukup: 2]**

**(iii) Kesan-kesan positif PKP terhadap kehidupan masyarakat**

P1 mengeratkan hubungan kekeluargaan
P2 mempelbagai hobi/ kemahiran
P3 meningkatkan pendapatan (Grab/ Food Panda)/ peluang pekerjaan
P4 menjimatkan perbelanjaan
P5 mengurangkan masalah sosial/ jenayah

**[Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai]**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**(iv)** Langkah-langkah penjagaan di rumah yang boleh dilakukan

P1 Memberi makan ubat/ makanan tambahan
P2 Menyuruhnya menjaga jarak sosial dari ahli keluarga yang lain
P3 Mengasingkannya dalam bilik berasingan untuk berehat/ bilik kuarantin
P4 Sentiasa memeriksa suhu badannya / memantau perkembangan kesihatannya
P5 Mendapatkan rawatan doktor jika keadaan bertambah serius.

**[Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai]**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**Soalan 2**

**(i)** ***Tanah air beta dilumuri barat***

P1 *ialah* negara dijajah oleh musuh*/ kuasa asing*

**[Maksimum: 2 markah]**

**(ii)** Kesan penjajahan kuasa asing kepada masyarakat

**Bahan 1**

P1 Perbauran rentetan senapang dengan ledakan bom mortar

P2 Jerit pekik penghuni kampung

P3 Di sana sini kelihatan orang berlari

**Bahan 2**

P4 Membangkitkan semangat nasionalisme masyarakat/ Rakyat berusaha mempertahankan negara daripada dijajah oleh kuasa asing

P5 Tanah air/negara dikuasai penjajah.

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2]**

**(iii)** Kepentingan menjaga hubungan diplomatik kepada negara ialah

P1 dapat mengukuhkan pertahanan negara/ keselamatan melalui persahabatan dengan kuasa besar

P2 dapat menjaga kepentingan kebergantungan sumber semula jadi.

P3 dapat meningkatkan hubungan perdagangan pelbagai hala/ ekonomi

P4 menggalakkan perkongsian pintar (teknologi) dalam pelbagai bidang/ kemahiran

P5 perkongsian budaya

P6 bantuan bencana

**(Alasan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2]**

**(iv)** Cadangan tindakan

P1 Menegur perbuatan rakan-rakan tersebut/ Menasihati

P2 Melaporkan kepada guru/ mencatat nama murid

P3 Meminta bantuan ketua tingkatan/ pengawas atau rakan-rakan lain yang boleh dipercayai.

P4 membawanya berjumpa kaunselor/ guru disiplin

P5 melaporkan kepada ibu bapa murid

**[Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai]**

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 3]**

**Soalan 3 : Novel (i)**

**(i)** Keadaan Pantai Batu Buruk ialah.

P1 Hujan masih belum ada tanda mahu berhenti

P2 Masih lagi mencurah-curah

P3 Lampu-lampu kuning di sepanjang jalan Pantai Batu Buruk itu telah dinyalakan

P4 Pantai Batu Buruk yang tadinya agak riuh, perlahan-lahan menjadi sepi

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 3]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan novel (ii)**

(a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.

(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.

(c) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang betul.

(d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.

(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).

(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah bahasa.

(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**Soalan 4 : Novel (ii)**

**Novel Di sebalik Dinara, karya Dayang Noor**

1. Peristiwa Farisha yang mengetahui selama ini keluarga yang membelanya dengan penuh kasih sayang adalah keluarga angkat sahaja.Azraai juga memberitahu tentang ibu bapa kandungnya yang sebenar.

   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati terhadap pembaca kerana memahami perasaan seorang anak angkat apabila secara tiba-tiba mengetahui orang yang menjaganya selama ini bukan keluarga kandung .

2. Peristiwa Karl yang sangat zalim terhadap kanak-kanak walaupun anaknya sendiri. Dia sanggup memasukkan implan dan mikrocip ke dalam tubuh Farisha yang masih bayi tanpa dibius semata-mata untuk menjadikannya cerdik.

   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati pembaca kerana anak-anak patut disayangi dan bukannya disakiti.

3. Peristiwa Medina yang akhirnya dapat bertemu semula dengan anak kandungnya, Farisha setelah lama berusaha untuk mencari dan menjejakinya. Dia telah terpisah dengan anak kandungnya itu sejak Farisha kecil lagi.

   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan simpati pembaca kerana hubungan emak dengan anak yang terpisah angkara perbuatan ayah kandung dan suaminya sendiri.

**[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

**Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman**

1. Peristiwa Haiqal hidup tanpa menerima kasih sayang seorang ayah sejak kecil. Bahkan, dia tidak mengetahui siapa ayahnya sehingga beliau menerima manuskrip yang dihantar oleh Ong See Hwa. Haiqal tabah menghadapi cabaran dalam usaha untuk mengetahui sejarah kehidupan ayah kandungnya yang terpisah sejak kecil. Umi tidak menyokong tindakan Haiqal.
   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati terhadap pembaca kerana anak-anak yang dibesarkan oleh ibu tunggal tanpa kasih sayang seorang ayah.
2. Peristiwa Haiqal bertanya kepada uminya tentang rancangannya ke Johor untuk menjejaki warisan peninggalan ayahnya. Pada mulanya, uminya mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan memberikan wang kepadanya, namun begitu Haiqal tidak membatalkan keputusannya. Sebaliknya dia meneruskan rancangannya untuk pergi ke Johor. Haiqal berani dalam membuat keputusan. Dia berani untuk bertolak ke tempat asing dan tidak takut akan ugutan uminya.
   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati terhadap pembaca kerana seorang ibu tidak merestui perbuatan anaknya sedangkan restu seorang ibu itu sangat penting dalam mendapatkan keredaan Allah.
3. Peristiwa Abdullah bin Kayan **menulis manuskrip yang menunjukkan betapa beliau merindui Haiqal**. Abdullah bin Kayan amat merindui anak kandungnya, Haikal kerana telah lama tidak bertemu. Perpisahan antara Abdullah dengan bekas isterinya telah memisahkan dirinya dengan Haiqal.
   Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati terhadap pembaca kerana seorang ayah merindui anak kandungnya yang sudah lama tidak bertemu .
   **[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

## Jawapan Latihan 4

**Soalan 1**

| **(i)** | **Maksud** | **Markah** |
|---|---|---|
| - | menerangkan /menghuraikan / menyatakan fungsi/ tugas | 2 |
| - | **menjelaskan** fungsi/ tugas | 1 |
| - | menerangkan /menghuraikan / menyatakan **peranan** | 1 |

| **(ii)** | **Cara-cara** | |
|---|---|---|
| | **Bahan 1** | |
| P1 | mengisytiharkan harta diperoleh sebelum dilantik dalam perkhidmatan awam | 1 |
| P2 | mengisytiharkan harta ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam | 1 |
| P3 | menghadiri program integriti anjuran SPRM | 1 |
| | **Bahan 2** | |
| P4 | Sikap menunaikan amanah | 1 |

P5 komitmen dengan tugas 1
**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**
**[Maksimum: 3 markah]**
**[Isi cukup: 2]**

**(iii) Ciri- ciri pemimpin murid yang berkualiti**
P1 mempunyai perancangan / matlamat yang jelas 1
P2 Ikhlas dan amanah terhadap tugas 1
P3 Mengamalkan nilai murni 1
P4 Menjadi suri teladan kepada murid lain 1
**[Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai]**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**(iv) Tindakan-tindakan**
P1 Berbincang / bertanyakan masalah 1
P2 memberikan nasihat / teguran 1
P3 mengejutnya pada setiap pagi 1
P4 Menyuruhnya / mengajak berjumpa ketua jabatan / kaunselor 1
P5 berjumpa dengan ahli keluarga rakan anda 1
**[Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai]**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**Soalan 2**
**(i) Aiman berpendapat dia sukar untuk berbincang dengan ayahnya kerana**
P1 Semua keputusan *daddy* akan tentukan 1
P2 Aiman hanya kena ikut 1
**[Maksimum: 2 markah]**
**[Isi cukup: 2]**

**(ii) Beberapa pesanan kepada generasi muda**
**Bahan 1**
P1 Cubalah berfikir seperti orang dewasa 1
P2 Jadilah manusia yang sentiasa dahagakan ilmu dan pengalaman 1
P3 Jangan hanya pandai meminta daripada berusaha. 1
**Bahan 2**
P4 mempunyai kebijaksanaan 1
P5 mempunyai keimanan 1
P6 sentiasa berwaspada 1
P7 sentiasa berdoa 1
P8 mempunyai sifat tabah 1

P9 mempunyai sifat berani 1
**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**
**[Maksimum: 3 markah]**
**[Isi cukup: 2]**

**(iii) Manfaat jika seseorang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif**
P1 mampu menyelesaikan pelbagai masalah dengan mudah / masa singkat
P2 mampu berdaya saing
P3 sentiasa dipercayai / disenangi / dihormati oleh orang ramai
P4 menjadi aset penting untuk organisasi
**(Manfaat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**(iv) Cara anda menyelesaikan masalah sahabat anda**
P1 membuat latihan / persediaan bersama-samanya untuk pembentangan
P2 memberi kata-kata perangsang / motivasi kepadanya
P3 memberikan tip-tip penting untuk membentang dengan baik
P4 mencadangkannya meminta pandangan / panduan/ nasihat daripada guru
P5 mencadangkannya meminta bantuan murid/ rakan/ orang yang lebih berpengalaman
P6 mencadangkannya supaya menonton video/ audio pembentangan
**[Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai]**
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**Soalan 3 : Novel (i)**
**(i) Kejayaan-kejayaan**
P1 bilangan doktor bertambah banyak
P2 wad-wad dan bangunan diperbesar dan diperindah
P3 wujud wad-wad Super VIP
P4 perniagaan kesihatannya itu kini telah dilengkapi peralatan serba canggih
**[Maksimum: 4 markah]**
**[Isi cukup: 3]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan Novel (ii)**
(a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah bahasa.

(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**Soalan 4 : Novel (ii)**
**Novel Di sebalik Dinara, karya Dayang Noor**

1. Peristiwa Azraai memasang retinal scanner pada pintu apartmen adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam melindungi orang yang disayangi / ahli keluarga.
2. Peristiwa Farisha tidak terburu-buru menerima tawaran RM 1.5 juta daripada Soft Lab sebaliknya dia merujuk dan berbincang dengan abangnya Azraai terlebih dahulu.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan kerana setiap orang perlulah berfikir dan mendapatkan nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman sebelum membuat keputusan atau bertindak.
3. Peristiwa Dr. Maxi , Aqram dan Khairul Anwar sentiasa mengadakan perbincangan di Soft Lab bagi memastikan rancangan mereka menyelamatkan sistem Dinara berjalan lancar.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan kerana perbincangan akan mewujudkan kesepakatan dengan rakan sekerja membuat persediaan yang rapi ketika melakukan sesuatu pekerjaan.
4. Peristiwa Farisha menghadiri sebuah simposium yang diundang oleh Aqram keraana berminat untuk mendengar ucapan Philip Young dan dia juga ngin meningkatkan ilmu pengetahuannya berkaitan keselamatan komputer.
   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan kerana kita perlu berusaha menambah ilmu pengetahuan.
5. Peristiwa Karl memasang mikrocip dalam tubuh anaknya, Farisha untuk membolehkannya mengesan kedudukan Farisha apabila Dinara menghadapi masalah.
   Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaa menggunakan kemajuan teknologi mengesan lokasi / kedudukan individu apabila diperlukan untuk menyelesaikan masalah.
6. Peristiwa Farisha mampu menggodam sistem keselamatan Bank Sapurba yang diserang oleh virus sedangkan orang yang menggantikannya langsung tidak dapat memasuki sistem keselamatan bank tersebut.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dan kehebatan anak muda dalam menguasai ilmu pengaturcaraan komputer.
   **[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

**Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman**

1. Peristiwa Tauke Lim menjaga kebun kelapa sawit yang ditinggalkan oleh Abdullah bin Kayan dan menyerahkan semua harta tersebut kepada Haiqal seperti buku akaun bank dan segala urusan ladang kelapa sawit ketika Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama.
   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam menunaikan amanah yang diberikan.
2. Peristiwa penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama menjayakan Hari Kemerdekaan peringkat mukim dan persediaan menyambut kedatangan Yang Berhormat.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan mengamalkan sikap kerjasama membuat persediaan untuk sesuatu aktiviti/program.

3. Peristiwa Haiqal mendapat tawaran daripada sebuah universiti di Sarawak selepas tamat tingkatan 6.

   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam pelajaran.

4. Peristiwa Haiqal bijak menangani cabaran tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan anak-anak muda Kampung Seri Purnama sebaliknya mereka lebih gemar berkumpul sesama mereka dan menaiki motosikal masing-masing.

   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam memelihara sastera dan budaya yang kian dilupakan oleh generasi hari ini.

5. Peristiwa Haiqal bekerjasama dengan penduuduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin D`Purnama sebagai usaha untuk menghargai perjuangan ayahnya Abdullah bin Kayan.

   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan masyarakat mengamalkan kerjasama dalam melakukan aktiviti.

6. Peristiwa umi yang telah berkahwin dengan Abdul Fatah selepas bercerai dengan Abdullah bin Kayan kerana mempunyai minat yang sama dalam perniagaan.

   Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan dalam merancang masa hadapan.

   **[Terima mana-mana peristiwa yang sesuai]**

## JAWAPAN KERTAS 2 BAHAGIAN C : RUMUSAN

### Jawapan Latihan 1

**Pendahuluan [2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| P1 | …membincangkan sebab-sebab/punca-punca kenaikan harga barang dan langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menanganinya. | 2 |
| P2 | …membincangkan sebab-sebab/punca-punca kenaikan harga barang | 1 |
| P3 | …langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menangani kenaikan harga barang | 1 |

**Isi [16 markah]**

**Fokus 1 – sebab-sebab / punca-punca kenaikan harga barang**

**BAHAN 1**

| | | |
|---|---|---|
| A1 | kekurangan bekalan | 2 |
| A2 | Inflasi | 2 |
| A3 | permintaan pasaran yang tinggi terhadap sesuatu barang | 2 |
| A4 | Pemain besar seperti perniagaan dan syarikat besar seringkali memperkayakan diri mereka sendiri | 2 |

**BAHAN 2**

| | | |
|---|---|---|
| B1 | Kadar tukaran mata wang tinggi | 2 |
| B2 | kos pengeluaran meningkat. | 2 |
| B3 | Kenaikan bahan api | 2 |

**Fokus 2 – langkah-langkah / usaha-usaha menangani kenaikan harga barang**

**BAHAN 1**

| | | |
|---|---|---|
| C1 | pembanterasan tindakan monopolistik dan kartel | 2 |
| C2 | meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara perlu dilaksanakan. | 2 |
| C3 | Kebijaksanaan pengguna | 2 |
| C4 | kesediaan pengguna untuk membuat peralihan gaya hidup yang bersesuaian | 2 |

**BAHAN 2**

| | | |
|---|---|---|
| D1 | penetapan harga siling oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah dilaksanakan | 2 |
| D2 | mempraktikkan amalan jimat-cermat | 2 |

**BAHAN 3**

| | | |
|---|---|---|
| E1 | memboikot barang atau pasar raya yang menaikkan harga | 2 |
| E2 | pemantauan dan tindakan yang tegas oleh pihak berkuasa | 2 |

**Kesimpulan [2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, kenaikan harga barang perlulah dikawal agar kehidupan rakyat tidak terseksa. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kenaikan harga barang perlulah dikawal. | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, kerajaan perlu mengawal kenaikan harga barang agar hidup rakyat lebih selesa. | 0 |

## Jawapan Latihan 1

| **Pendahuluan** | | **[2 markah]** |
|---|---|---|
| P1 | …membincangkan kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat dan langkah-langkah / cara-cara/ kaedah-kaedah pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya. | **2** |
| P2 | …membincangkan kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya. | **1** |
| P3 | …membincangkan langkah-langkah / cara-cara/ kaedah-kaedah pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya. | **1** |

**Isi [16 markah]**

**<u>BAHAN 1</u>**

**Fokus 1 – kebaikan / faedah / kelebihan / manfaat pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya**

| | | |
|---|---|---|
| A1 | membantu murid meningkatkan penguasaan bahasa melalui kaedah pembelajaran koperatif | **2** |
| A2 | dalam modul bimbingan tidak wujud semangat persaingan tetapi keinginan untuk berkongsi kejayaan | **2** |
| A3 | murid dapat menerima maklum balas untuk memudahkan kefahaman mereka semasa pembelajaran berlaku. | **2** |
| A4 | dapat meningkatkan kemahiran dan keprofesionalan guru untuk mempelbagaikan gaya pembelajaran di dalam kelas | **2** |

**<u>BAHAN 1</u>**

**Fokus 2 – langkah / cara / kaedah pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya**

| | | |
|---|---|---|
| B1 | guru perlulah mendapatkan sokongan dan kebenaran daripada pentadbir sekolah | **2** |
| B2 | guru yang bertanggungjawab dalam modul ini perlu memastikan matlamat utama dan objektif modul bimbingan rakan sebaya ini yang ditulis secara terperinci | **2** |
| B3 | guru mata pelajaran perlu membina suatu rangka kurikulum untuk diikuti oleh pembimbing rakan sebaya dengan memberikan panduannya sekali. | **2** |

**<u>BAHAN 2</u>**

**Fokus 2 – langkah / cara / kaedah pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya**

| | | |
|---|---|---|
| C1 | memilih dan memadankan pembimbing bersama murid. | **2** |
| C2 | Sering menyelia dan melakukan pemantauan | **2** |

**<u>BAHAN 3</u>**

**Fokus 2 – langkah / cara / kaedah pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya**

| | | |
|---|---|---|
| D1 | latih pembimbing | **2** |
| D2 | buat penilaian | **2** |

| **Kesimpulan** | | **[2 markah]** |
|---|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya hendaklah diperkasakan/ digalakkan/ disokong/ diperluas agar dapat melahirkan modal insan kelas pertama. | **2** |
| K2 | Kesimpulannya, modul bimbingan rakan sebaya hendaklah dipraktikkan agar dapat melahirkan modal insan kelas pertama. | **2** |
| K3 | Kesimpulannya, pelaksanaan modul bimbingan rakan sebaya hendaklah diperkasakan/ digalakkan/ disokong/ diperluas. | **1** |

## Jawapan Latihan 3

**Pendahuluan** **[2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| P1 | ... membincangkan **punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab** berlaku pencemaran alam sekitar, **kesan-kesan / akibat-akibat / implikasi** pencemaran alam sekitar dan **langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha** untuk mencegah pencemaran alam sekitar. | **2** |
| P2 | ... membincangkan punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab berlaku pencemaran alam dan kesan-kesan/ akibat-akibat/ impak pencemaran alam sekitar. | **1** |
| P3 | ..membincangkan punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab berlaku pencemaran alam sekitar. | **1** |

**Isi [16 markah]**

**BAHAN 1**
**Fokus 1 - punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab berlakunya pencemaran alam sekitar**

| | | |
|---|---|---|
| A1 | kebebasan individu atau pihak tertentu yang mengeksploitasi hasil semula jadi alam demi kepentingan masing-masing | **2** |
| A2 | tindakan tidak peduli sesetengah pihak di tapak pembuangan sampah | **2** |
| A3 | Pencemaran air berlaku disebabkan oleh aktiviti pembangunan yang rancak tanpa kawalan | **2** |
| A4 | Pembakaran sisa binaan yang dilakukan sesuka hati oleh pihak yang tidak bertanggungjawab | **2** |

**BAHAN 1**
**Fokus 2 - kesan-kesan/ akibat-akibat/ implikasi pencemaran alam sekitar**

| | | |
|---|---|---|
| B1 | perlahan-lahan menghakis ekosistem alam sehingga menghancurkan keaslian dan keselamatannya | **2** |
| B2 | memberikan kesan terhadap kesucian sumber air dan membawa kepada kemudaratan apabila kita menggunakannya | **2** |
| B3 | menjejaskan manusia yang menghuni kawasan di sekelilingnya | **2** |
| B4 | menyebabkan kemusnahan hidupan yang lain | **2** |

**BAHAN 2**
**Fokus 3 - Langkah/ cara-cara/ usaha-usaha untuk mencegah pencemaran alam sekitar.**

| | | |
|---|---|---|
| C1 | penguatkuasaan akta dan undang-undang alam sekitar perlu diperketat | **2** |
| C2 | institusi pendidikan juga merupakan medium terbaik untuk menyebarkan pendidikan alam sekitar | **2** |

**BAHAN 2**
**Fokus 2 - kesan-kesan/ akibat-akibat/ implikasi pencemaran alam sekitar**

| | | |
|---|---|---|
| D1 | kualiti alam sekitar akan merosot | **2** |
| D2 | mengancam kesejahteraan sejagat dan kesihatan manusia. | **2** |

**BAHAN 3**
**Fokus 3 - Langkah/ cara-cara/ usaha-usaha untuk mencegah pencemaran alam sekitar.**

| | | |
|---|---|---|
| E1 | kerajaan menganjurkan Kempen Menjaga Alam Sekitar | **2** |
| E2 | ibu bapa menerapkan amalan kitar semula kepada anak-anak | **2** |

| **Kesimpulan** | | **[2 markah]** |
|---|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, alam sekitar perlulah dipelihara agar generasi akan datang dapat menikmati keindahan dan kebersihannya. | **2** |
| K2 | Kesimpulannya, pencemaran alam sekitar hendaklah ditangani segera agar dapat mewujudkan sebuah negara yang bersih dan sejahtera. | **2** |
| K3 | Kesimpulannya, alam sekitar perlulah dipelihara dan dijaga. | **1** |
| K4 | Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memelihara alam sekitar agar dapat menikmati keindahannya. | **0** |

## Jawapan Latihan 4

| **Pendahuluan** | | **[2 markah]** |
|---|---|---|
| P1 | ...membincangkan cabaran / rintangan / kekangan dan faedah / kebaikan / manfaat/ kelebihan e-sukan / sukan elektronik | **2** |
| P2 | ...membincangkan cabaran / rintangan / kekangan e-sukan / sukan elektronik | **1** |
| P3 | ...membincangkan faedah / kebaikan / manfaat / kelebihan e-sukan / sukan elektronik | **1** |

**Isi [16 markah]**

**<u>BAHAN 1</u>**

**Fokus 1 : cabaran / rintangan / kekangan e-sukan**

| | | |
|---|---|---|
| A1 | tahap kesedaran masyarakat sendiri terhadap e-sukan masih kurang | **2** |
| A2 | sesetengah masyarakat beranggapan e-sukan banyak unsur keganasan | **2** |
| A3 | tanggapan sesetengah orang e-sukan menyebabkan kecelaruan mental sekiranya terlalu lama bermain. | **2** |
| A4 | pembaziran wang akan berlaku semata-mata untuk mendapatkan capaian Internet yang baik. | **2** |

**<u>BAHAN 1</u>**

**Fokus 2 : faedah / kebaikan / manfaat / kelebihan e-sukan / sukan elektronik**

| | | |
|---|---|---|
| B1 | mempunyai tindakan atau reaksi yang pantas | **2** |
| B2 | menjadikan seseorang berfikiran kolektif dan kreatif, kuat daya ingatan dan mudah menerima maklumat baharu. | **2** |
| B3 | dapat menjadi satu bentuk hiburan atau hobi | **2** |

**<u>BAHAN 2</u>**

**Fokus 2 : faedah / kebaikan / manfaat / kelebihan e-sukan / sukan elektronik**

| | | |
|---|---|---|
| C1 | menawarkan hadiah lumayan | **2** |
| C2 | menjadi salah satu kerjaya yang menjanjikan pulangan yang lumayan | **2** |

**<u>BAHAN 3</u>**

**Fokus 2 : faedah / kebaikan / manfaat / kelebihan e-sukan / sukan elektronik**

| | | |
|---|---|---|
| D1 | merancakkan lagi industri sukan elektronik dalam negara kita | **2** |
| D2 | mampu mengharumkan nama negara | **2** |
| D3 | menghindari daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat | |
| D4 | masa lapang remaja dapat diisi dengan aktiviti berfaedah | |

| **Kesimpulan** | | **[2 markah]** |
|---|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, perkembangan industri e-sukan seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya agar sukan digital berkembang pesat di negara ini. | **2** |
| K2 | Kesimpulannya, industri e-sukan seharusnya dimajukan bagi melahirkan lebih ramai atlet e-sukan. | **2** |

| | | |
|---|---|---|
| K3 | Kesimpulannya, perkembangan industri e-sukan seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya. | **1** |
| K4 | Kesimpulannya, kerajaan perlulah menitikberatkan perkembangan industri e-sukan agar generasi muda mendapat manfaatnya. | **0** |

**PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS**

**TEMA 1 : MEREALISASIKAN IMPIAN**

1 : Belayar sambil memapan. (hal. 7)
Maksud: Melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus.

2 : Cekur jerangau ada Iagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga. (hal.10)
Maksud : Belurn cukup umur sudah hendak beristeri.

3 : Hendak belaiar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai. (hal.9)
Maksud: Sekiranya hendak mengetahui atau mengusai sesuatu perkara, belajarlah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut.

4 : Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. (hal.10)
Maksud: Jika mempunyai cita-cita seseorang itu akan bemsaha dengan bersungguhsungguh untuk mencapainya.

5 : Orang mengantuk disorongkan bantal. (hal.12)
Maksud: Memperoleh apa yang benar-benar diingini.

**TEMA 2 : INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA**

6 : Zaman Tuk Nadur berkajang kain. (hal.21)
Maksud: Suatu masa atau zaman yang telah lalu; Suatu atau zaman yang telah lama sekali berlalu.

**TEMA 3 : MEMETIK BINTANG**

7 : Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. (hal.37)
Maksud: Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah.

**TEMA 4 : MENJULANG HARAPAN DIBUMI BERTUAH**

8 : Bertangguh itu pencuri masa. (hal.49)
Maksud: Melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri

9 : Untung sabut timbul, untung batu tenggelam. (hal.49)
Maksud: jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah.

**TEMA 5 : MEMACU PRODUKTIVITI**

10 : Titik peluh. (hal.68)
Maksud: hasil usaha sendiri.

**TEMA 6 : DUNIA PELANCONGAN**

11 : Hujan halau mentua. (hal.74)
Maksud: Hujan sebentar sahaja.

12 : Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. (hal.74)
Maksud: Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja.

13 : Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. (hal.74)
Maksud: Sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya.

14 : Takkan lari gunung dikejar. (hal.75)
Maksud: Tidak perlu bergopoh-gapah mengerjakan sesuatu yang sudah tentu.

15 : Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri. (hal.77)
Maksud: Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.

16 : Jauhari sahaja yang mengenal manikam. (hal.77)
Maksud: Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu.

17 : Indah khabar daripada rupa. (hal.77)
Maksud: Perkhabaran sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan

18 : Bapa borek, anak rintik. (hal.77)
Maksud: Anak itu mengikut kelakuan dan lain-lain orang tuanya. / anak menurut baka, kelakuan dan lain-lain dari bapanya.

19 : Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. (hal.82)
Maksud: Orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya.

20 : Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang. (hal.82)
Maksud: Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa.

21 : Kera mendapat bunga. (hal.82)
Maksud: Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain.

22 : Bagaimana acuan, begitulah kuihnya. (hal.82)
Maksud: Seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya.

23 : Sambil menyelam minum air. (hal .83)
Maksud: Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tacapai.

24 : Hajan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik sendiri. (hal.84)
Maksud: Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.

**TEMA 7 : DEMI KEDAMAIAN**

25 : Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga (hal.88)
Maksud: Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya

26 : Bagai itik mendapat air. (hal.90)
Maksud: Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.

27 : Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah. (hal.90)
Maksud: Tentu ada scbabnya, (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.

28 : Air tenang jangan disangka tiada buaya. (hal.90)
Maksud: Orang yang pendiam jangan dsangka bodoh atau penakut.

29 : Anak buah. (hal.98)
Maksud: Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / Orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / Pekerja di bawah jagaan kita.

30 : Seperti telur di hujung tanduk. (hal.99)
Maksud: Dalam keadaan bahaya, serba sulit.

31 : Sambil menyelam minum air. (hal.99)
Maksud: Sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai.

**TEMA 8 : DALAM LIPATAN KENANGAN**

32 : Pisang tidak berbuah dua kali. (hal.106)
Maksud: Sekali merugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati.

34 : Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. (hal.106 dan 107)

Maksud: Contohi sesuatu yang baik tetapi jauhkan daripada sesuatu yang buruk.

35 : Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. (hal.106)
Maksud: Jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera.

36 : Mata air. (hal.112)
Maksud: Orang kesayangan, kekasih.

37 : Jalan tengah. (hal.113)
Maksud: Mengambil keputusan yang tidak berat sebelah.

**TEMA 9 : SAYANGI MALAYSIAKU**

38 : Tanah air. (hal.117)
Maksud: Negeri tempat seseorang dilahirkan.

39 : Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk. (hal.121)
Maksud: Sama-sama bertanggungjawab.

40 : Serumpun bak serai, sesusun bak sirih (hal.121)
Maksud: Bersatu padu dalam segala hal.

41 : Mulut biar manis, hati biar baik. (hal.121)
Maksud: Orang yang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya.

42 : Adat pulau limburan pasang. (hal.121)
Maksud: Kehidupan manusia hendaklah bantu membantu, yang kaya mambantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah.

**TEMA 10 : BANGSA BUGAR, SASTERA KEKAR**

43 : Harga diri. (hal.133)
Maksud: Maruah.

44 : Menbuang muka. (hal.141)
Maksud: Berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai.

**TEMA 11 : EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA**

45 : Ke mana perginya laying-layang, talinya ada pada kita. (hal.150)
Maksud: Orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri.

46 : Di mana ada gula, di situ ada semut. (hal.157)
Maksud: Apabila sesuatu tempat itu mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul.

47 : Cermat masa banyak. jimat masa sedikit. (hal.157)
Maksud: Selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu

48 : Besar periuk, besarlah keraknya. (hal.157)
Maksud: Kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar.

49 : Condong ditumpil, lemah dianduh. (hal.157)
Maksud: Orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan.

**TEMA 12 ASLI DAN KONTEMPORARI**

50 : Air tangan. (hal.166)
Maksud: Masakan seseorang.

**TEMA 13: SEGALANYA BERMULA DISINI**

51 : Membuka mata / Buka mata. (hal.180)
Maksud: (i) Melihat dan meluaskan pandangan.
(ii) Menyedarkan atau menginsafkan orang lain.

**TEMA 14 : SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU**

52 : Panas baran (hal.198)
Maksud: Cepat marah.

53 : Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa. (hal.199)
Maksud: Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.

**TEMA 16 : DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN**

54 : Malang tidak berbau. (hal.220)
Maksud: Kedaan yang tidak dapat diketahui sebabnya.

55 : Anak buah. (hal.224)
Maksud: Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / Orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / Pekerja di bawah jagaan kita.

56 : Anak bongsu. (hal.224)
Maksud: Anak yang paling muda dalam keluarga.

57 : Alah membeli, menang mcmakai. (hal.232)
Maksud: Walaupun terasa berat membeli sesuatu barang yang mahal harganya tetapi barang itu bermutu dan tahan lama.

58 : Membaca jambatan ilmu. (hal.232)
Maksud: Amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan.

59 : Biar putih tulang jangan putih mata. (hal.232)
Maksud: Lebih baik mati daripada tidak dapat apa yang diidamkan.

60 : Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa / Berkata pelihara lidah. (hal.232)
Maksud: Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.

61 : Yang lama dikelek, yang baharu didukung. (hal.232)
Maksud: Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.

62 : Belakang parang kalau diasah lagikan tajam. (hal.232)
Maksud: Biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga. / Orang yang bodoh kalau diajar betul-betul, pandai juga sudahnya.

**SKRIP PENDENGARAN**

63 : Duit saku / Wang saku. (hal.252)
Maksud: Wang perbelanjaan peribadi.

64 : Orang haus diberi air. orang lapar diberi nasi. (hal.252)
Maksud: Mendapat apa yang diingini.

65 : Belayar sambil merapat sambil belayar. (hal.254)
Maksud: Sekali melakukan kerja. dua kali maksud tercapai.

66 : Air tangan. (hal.257)
Maksud: Masakan seseorang.

**PERIBAHASA HAMPIR SAMA / HAMPIR SAMA MAKSUD**

| Bil | Peribahasa |
|---|---|
| **1** | - Indah khabar dari rupa<br>- alah membeli menang memakai<br>- ukur baju di badan sendiri |
| **2** | - kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai<br>- kalau kail panjang sejengkal lautan dalam jangan diduga<br>- jangan lautan dalam hendak diduga<br>- sediakan payung sebelum hujan |
| **3** | - jauhari  juga yang mengenal manikam<br>- hanya jauhari yang mengenal manikam |
| **4** | - banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam<br>- seperti kacang lupakan kulit<br>- seperti ulat lupakan daun |
| **5** | - seperti lilin membakar diri menerangi orang lain<br>- bagai sumbu pelita menerangi orang lain |
| **6** | - pilih kasih<br>- pilih bulu<br>- tidak memandang bulu<br>- tidak melihat rupa |
| **7** | - bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing<br>- memagar diri bagai aur. |
| **8** | - Membuka pekung di dada<br>- senjata makan tuan<br>- kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa<br>- meludah ke langit jatuh ke muka sendiri<br>- menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri. |
| **9** | - melentur buluh biarlah dari rebungnya.<br>- Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.<br>- pemgayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang<br>- di mana ada kemahuan, di situ ada jalan<br>- Kacang lupakan kulit<br>- ulatkan lupakan daun |
| **10** | - umpama aur dengan tebing<br>- isi dengan kuku<br>- dakwat dengan kertas<br>- bagai hempedu lekat di hati<br>- bagai inai dengan kuku<br>- bagai aur dengan tebing. |

| | |
|---|---|
| | - bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat<br>- bersatu teguh bercerai roboh<br>- berat sama dipikul ringan sama dijinjing<br>- seperti serumpun bak serai sesusun bak sirih |
| **11** | - usaha tangga kejayaan<br>- hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih<br>- di mana ada kemahuan di situ ada jalan<br>- |
| **12** | - terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya<br>- kata-kata lebih tajam daripada pedang<br>- nasi sudah menjadi bubur<br>- kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa<br>- kaki terdorong badan merasa lidah |